BERITA KAMPUS

SEJAK 1971
SUARA DARI MENARA ILMU

ISNIN 13 OKT 2014 | Jilid 44 Bil 2 | RM1.00 | bkusm11@yahoo.com | ISSN 1397-7443



LAPORAN KHAS
Sistem Koha di PHS | 10-11



KAMPUS KEJURUTERAAN
Minda paling berpengaruh | 5

RENCANA
Manusia bakal makan serangga | 13





SISWA-SISWI antarabangsa memperagakan pakaian tradisional masyarakat Indonesia di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP), Universiti Sains Malaysia (USM) pada Malam Kebudayaan Indonesia. **Sila lihat halaman 7 untuk berita selanjutnya.**

Siswa-siswi saran semakan harga makanan

Oleh **MOHAMED AFIQ AMANI MOHAMED NAHDIRSHA**

Kebanyakan siswa-siswi meluahkan ketidakpuasan hati terhadap harga makanan yang mahal dan tidak berpatutan di kafe Fajar Harapan.

Menurut Penggawa Desasiswa Fajar Harapan, Dr Nik Haslinda Nik Hussain, masalah sebegini tidak seharusnya timbul kerana sudah beberapa kali dibangkitkan dalam mesyuarat bersama penggerai. Namun pengusaha memaklumkan mereka membeli barang mentah yang berkualiti justeru harga yang dikenakan adalah wajar.

"Siswa-siswi seharusnya melaporkan beserta bukti dan tidak hanya membuat rungutan semata-mata. Pihak pengurusan tidak dapat mengambil tindakan sekiranya tiada laporan yang dibuat," kata beliau.

Beliau menambah Majlis Penghuni Desasiswa berperanan memberi teguran dan menjalankan siasatan secara berhemah dalam membantu siswa-siswi menyelesaikan isu ini.

Menurut Nuradiba Syahira Rusli, Teknologi Industri 2, harga yang dikenakan adalah mahal berbanding desasiswa lain sedangkan lauk yang diambil adalah sama.

"Kebiasaannya bajet seseorang siswa-siswi itu sekitar RM5 tetapi sekiranya menjangkau RM7 ia sepatutnya tidak berlaku kerana masih banyak yang perlu dibelanjakan sebagai seorang siswi," ulasnya.

Nur Ayuni Adnan, Sains Komputer 2, menjelaskan menu yang disediakan adalah pelbagai tetapi sama setiap hari berbanding beberapa gerai di desasiswa lain.

"Kafeteria Fajar Harapan merupakan lokasi strategik siswa-siswi untuk menjamu selera sebelum ke pusat pengajian masing-masing. Perkhidmatan yang diberikan memuaskan tetapi harga yang dikenakan perlu diselaraskan kembali," katanya lagi.

Pengusaha gerai yang dikenali Pak Engku memaklumkan harga yang dikenakan kepada siswa-siswi adalah berpatutan. Siswa-siswi sepatutnya tidak membandingkan harga yang dikenakan dengan penggerai-penggerai lain kerana setiap gerai menyediakan kualiti makanan yang berbeza.

"Saya tidak merasakan harga yang dikenakan kepada siswa-siswi mahal. Kita menggunakan bahan mentah yang berkualiti untuk menyediakan juadah makanan yang menepati kehendak mereka yang datang menjamu selera," katanya.

"Jika mahu membandingkan harga, bolehlah dinilai dari aspek kualiti bahan contohnya ikan keli. Harga seekor ikan keli di sini berjumlah RM3 sedangkan ada penggerai yang menjual RM4. Kami memotong seekor ayam dengan sembilan bahagian tetapi ada penggerai yang memotong seekor ayam dengan 12 bahagian," ujarnya lagi.

"Dalam mesyuarat dengan pihak pengurusan juga sudah dibangkitkan isu harga namun kami masih menunggu sehingga kini harga yang telah diselaraskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk semua universiti," jelas beliau.



Harga seekor ikan keli di sini berjumlah RM3 sedangkan ada penggerai yang menjual RM4. Kami memotong seekor ayam dengan sembilan bahagian tetapi ada penggerai yang memotong seekor ayam dengan 12 bahagian

Pak Engku,
Pengusaha gerai makanan



ENGINEERING CAMPUS

Finger vein secures our future

Biometric is the technology that verifies human physiological or behavioural features such as fingerprint, iris, face and voice recognition for authentication purposes. This technology is being used in many applications such as door access control and border crossing control.

According to School of Electrical and Electronic Engineering lecturer, Dr Bakhtiar Affendi Rosdi, biometric system based on fingerprint has several problems.

"Fingerprint is based on skin which is an external feature. Skin condition such as dry skin can impact the quality of pattern obtained. This is common among labourers who do heavy duty task which will spoil their fingerprint", he explained.

He added on that fingerprint based biometric system is vulnerable to forgery. Through research, people are able to create fake fingerprint using silicon or alter their fingerprint by surgery.

Therefore, Dr Bakhtiar conducted a research on finger vein based biometric system to solve the security issue posed by the fingerprint based biometric system. This research has been pioneered by a researcher in Japan in 2000.

"Finger vein unlike fingerprint is an internal feature. Hence it cannot be forged or altered as we cannot see them. Furthermore, finger vein has

. . . continue in page 4

ALAMAT Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi | **TELEFON** 04-653 5071 | **E-MEL** bkusm11@yahoo.com
Berita Kampus ialah akhbar makmal siswa-siswi tahun akhir pengkhususan kewartawanan, Pusat Pengajian Komunikasi, USM dan bukan pendirian dan pandangan rasmi Universiti Sains Malaysia.

Sejak 1971. Suara Dari Menara Ilmu.

Revolusi media: Di mana kita?

Kita sering difahamkan media adalah penyampai maklumat atau jambatan yang menghubungkan masyarakat setempat dengan dunia ini melalui pelaporan berita.

Dalam penerangan yang lebih akademik, media boleh dilihat sebagai kuasa keempat dalam negara selain dari kuasa perundangan, eksekutif dan kehakiman.

Dalam konteks estet keempat, media diberi kepercayaan untuk mengawasi dan melaporkan perkara yang tidak adil atau isu yang mengancam kesejahteraan masyarakat.

Menurut Laporan Wartawan Tanpa Sempadan pada 12 Feb 2014 di Perancis, Malaysia berada di tempat 147 daripada 180 negara yang tersenarai dalam Indeks Kebebasan Media 2014. Data indeks ini berlandaskan persepsi terhadap suasana kebebasan media di sesebuah negara.

Perkara ini sebenarnya membimbangkan kerana ia memberi persepsi negatif yang besar kepada reputasi negara kita. Kedudukan tersebut bolehlah dikaitkan kepada beberapa keadaan seperti pemegang kuasa (diperingkat negeri dan persekutuan) yang menghalang sesetengah media daripada membuat liputan terhadap mereka

Namun apabila melihat konteks dalam negara kita, kewujudan revolusi ini masih menjadi topik yang dibahaskan.

Hal ini berkait rapat dengan akta yang berkaitan media dan pemilikan kuasa media arus perdana dan alternatif oleh parti politik, tidak kira kerajaan atau pembangkang, serta korporat media besar yang memonopolikan pasaran media utama di Malaysia.

Seperti yang dikata oleh sarjana teoritis Stuart Hall, media adalah jentera perwakilan (machinery of representation) dalam masyarakat moden. Namun, disebabkan wujudnya kuasa undang-undang dan pemilikan yang boleh menghadkan kebebasan media, cara representasi realiti melalui media adalah gambaran masyarakat yang telah dineutralisasi dan dirasionalkan oleh siapa yang memiliki media tersebut.

Hal ini adalah kerana sebarang pelaporan media yang dianggap mempunyai kandungan menghasut, menfitnah, berkemungkinan dikenakan tindakan undang-undang. Dengan erti kata lain, media terbatas dalam melaporkan sesuatu isu terutama yang menentang pihak berkepentingan.

Maka tidak hairanlah apabila kita sering melihat pelaporan media adalah kekurangan komentari yang lebih bersifat kritikal.

Selain itu terdapat media yang dimiliki kerajaan negeri yang lebih dianggap "pembangkang" kepada kerajaan pusat turut mengamalkan ketidakbebasan media dengan menyekat media arus perdana daripada membuat laporan yang tidak memihak kepada mereka.

Berita-berita yang dipapar sewajarnya memberi perhatian kepada isu pembinaan masyarakat sivil seperti perbincangan demokrasi atau kebebasan bersuara untuk semua, bukannya lebih bersifat memihak.

Perbincangan revolusi media menuju ke arah sistem media yang lebih sempurna dan bebas harus diusahakan lagi. Walaupun mungkin mengambil masa yang panjang, usaha tetap perlu diteruskan.

What should we prioritise?

As students, we have always been told that academics are our priority. However, we cannot escape from extra-curricular activities as they are compulsory. As primary and secondary school students, we can always use the excuse that we are forced to attend extra-curricular activities but what happen when we step into a university?

A university as we all know is a higher-level education institution where we pursue knowledge to obtain our degrees; bachelor, master or doctor of philosophy. Extra-curricular activities at this level are not compulsory. As undergraduates or postgraduates, the manner in which we balance between academics and extra-curricular activities differ according to individuals. Some will prioritize academics over extra-curricular activities. However, which is right?

Firstly, we should stop and think the main reason we attend university. For higher education! If you do not think so, look at it from this perspective- think about how your parents sacrifice their time, energy and effort to ensure that you can attend a university. The best way to repay them is by studying hard and not wasting their effort.

It is not wrong if we want to join extra-curricular activities but we must know how to balance them. The term extra-curricular itself carries a meaning of activities conducted aside from academics. Extra-curricular serves as a platform to produce students who are knowledgeable, competent and holistic and developed in soft skills. Hence, in order to achieve that, a balance is greatly needed.

Often we see students who are active in extra-curricular activities but they decide to sacrifice their academic studies. They opt to skip lectures, tutorials and even forego their assignments. To make matters worse, students assuming leadership in societies or clubs who should be positive role models succumb to these negative deeds. They are justifying their wrong deeds to those following their leadership.

Nonetheless, this does not define the whole student population who attend extra-curricular activities. There are those who manage their time well, balancing between academic and extra-curricular priorities. These are exactly the attitude that we should follow. The whole purpose of the existence of academics and extra-curricular activities is to nurture students' academics as well as their soft skills.

Another purpose for joining extra-curricular activities is to release stress. These activities usually stimulate the brain cells and the effect is a fresher state of mind. This positive effect can turn to a negative effect when we put too much emphasis and attention to them while neglecting our academic studies. We are too preoccupied with our societies or clubs activities that our schedule is too packed with non-academic responsibilities. Add this to our existing academic burdens and instead of being a stress-reliever, it will cause more stress if not managed properly.

All in all, the result lies in our own decisions. It depends on our choice on how to priotise between academics and extra-curricular activities

Jadikan menabung amalan kita

Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit. Itulah pegangan individu yang bijak berjimat-cermat demi masa depan mereka. Menabung merupakan satu amalan proaktif berlandaskan kesedaran seseorang dalam membuat persediaan bagi menjamin masa depan yang cerah. Pada zaman pascaglobalisasi ini, menyimpan wang tabungan di bank merupakan cara yang efektif untuk memastikan wang tabungan disimpan dengan selamat berbanding menyimpan wang secara konvesional di rumah. Malah ada juga tabungan yang dibuat melalui skim pelaburan yang menjanjikan dividen yang tinggi. Menabung ini perlu dijadikan amalan dalam menghadapi kos hidup yang semakin tinggi.

Aktiviti menabung membolehkan seseorang merancang masa depan dengan ekonomi yang lebih stabil. Hal ini kerana menabung merupakan alternatif untuk menambah pendapatan dengan menyimpan wang di bank secara berterusan dan dalam jangka masa panjang. Melalui penyimpanan ini, pendeposit akan memperoleh faedah atau dividen daripada pihak bank mahupun agensi pelaburan. Apabila wang sudah terkumpul, seseorang individu tidak akan berdepan dengan masalah ketirisan wang sehingga boleh menjejaskan keselesaan hidup mereka. Amalan gali lubang tutup lubang dengan meminjam daripada rakan-rakan atau saudara mara akan dapat dielakkan.

Pada zaman yang serba canggih dengan kepesatan kemajuan sains dan teknologi ini kita perlu mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi agar dapat bersaing di pentas global. Hal ini demikian kerana, melalui amalan menabung, kita dapat menggunakan wang tersebut untuk membiayai kos pendidikan dan mengelakkan sikap kebergantungan kepada wang bantuan dapat dielakkan. Sebagai contoh, siswa-siswi juga boleh membeli buku rujukan yang dapat membantu meningkatkan tahap intelektualisme.

Selain itu, keselesaan dan kesenangan hidup tentunya menjadi impian setiap insan. Siswa-siswi juga boleh meringankan bebanan keluarga dengan berbelanja menggunakan wang simpanan dengan berhemah. Siswa-siswi juga boleh berjimat dengan mengurangkan perbelanjaan harian. Kita perlu membelanjakan wang untuk keperluan sahaja dan janganlah hanya mengikut kehendak semata-mata. Kita tidak perlu membeli telefon pintar yang mahal, memadai telefon bimbit pintar yang ada semua kemudahan aplikasi. Pentingkan keperluan berbanding kehendak.

Natijahnya, menabung merupakan amalan mulia yang perlu dijadikan budaya hidup dan dipraktikkan terutamanya kepada kita sebagai siswa-siswi. Amalan ini boleh menjana kestabilan ekonomi dan mengekalkan keseimbangan negara secara efektif. Menabung boleh menjadi benteng untuk mendepani realiti dunia baru yang pantas berubah dan berkembang. Siswa-siswi perlu mula menabung dari sekarang sekiranya masih belum berbuat demikan supaya dapat menjamin kestabilan ekonomi agar tidak berdepan dengan bebanan hutang yang membinasakan diri, keluarga dan masyarakat.

Atasi banjir dengan segera

Oleh **MUHAMMAD FAUZI SAMSUDIN**

Sistem perparitan yang tidak efisien menyebabkan kawasan Jalan Universiti berhampiran bangunan Eureka dibanjiri air pada musim hujan dan mengundang pelbagai masalah bukan sahaja kepada pengguna jalan raya bahkan pejalan kaki.

Menurut Ketua Jurutera Awam Jabatan Pembangunan, Mohd Nizam Mohd Razak, banjir yang berlaku di Jalan Universiti disebabkan paip pembentung Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang terlalu kecil sehingga tidak mampu untuk menampung isipadu air yang deras semasa hujan lebat.

Oleh sebab itu, air akan melimpahi kawasan tersebut dan banjir akan berlaku.Beliau berkata banjir akan mengambil masa kira-kira 20 minit untuk surut. Masalah ini turut berlaku kerana Sungai Ara dan Sungai Dua yang bertemu pada satu aliran air sungai yang sama dan ini menyebabkan banjir di kawasan tersebut.

"Paip PVA tersumbat juga menghalang laluan air untuk mengalir dengan baik. Setakat ini JPS telah naik taraf semua paip pembentung di kawasan USM terutamanya di kawasan Tasik Harapan yang mana dahulunya sering kali berlakunya banjir," katanya.

Tambah beliau, USM telah menghantar surat untuk meminta JPS untuk menyelesaikan masalah banjir di kawasan Jalan Universiti.

Walau bagaimanapun, JPS lebih memfokus kepada kawasan Tasik Harapan kerana masalah banjir lebih serius di kawasan tersebut.

Menurut Ezatul Huda Redzuan, Sains Kajihayat 3, kereta yang dipandunya telah mengalami kerosakan kerana dimasuki air semasa berlaku banjir di Jalan Universiti.

"Semasa saya merentas kawasan banjir, engin kereta saya dimasuki air. Saya menanggung kerugian kira-kira RM1,000 untuk membaiki kereta saya. Namun begitu, saya sangat berterima kasih kepada Jabatan Keselamatan kerana menolong saya," tambahnya.



KETUA Jurutera Awam Jabatan Pembangunan Universiti Sains Malaysia (USM), Mohd Nizam Mohd Razak, menunjukkan salah satu lokasi banjir dalam Kampus Induk USM.

> "Saya menanggung kerugian kira-kira RM1,000 untuk membaiki kereta saya."

Silap tarikh punca Japan Festival Night 2014 dibatalkan

Japan Festival Night anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) Japanese Language Society yang sepatutnya diadakan di Dewan Budaya pada malam 5 Oktober 2014 telah dibatalkan kerana kesilapan Dewan Budaya.

Menurut Pegawai Kebudayaan, Encik Norhelmi Othman, Dewan Budaya telah meluluskan permohonan USM Japanese Language Society untuk menggunakan Dewan Budaya pada tarikh tersebut sebelum itu. Akan tetapi, oleh sebab mereka tidak menyedari bahawa tarikh tersebut jatuh pada Hari Raya Haji, Japan Festival Night 2014 pada akhirnya terpaksa dibatalkan juga disebabkan ketiadaan kakitangan yang bertugas pada Hari Raya Haji.

"Hal ini kerana planner yang kami gunakan itu bukan planner USM, maka Hari Raya Haji tidak tercatat dalam planner tersebut, " jelas Encik Norhelmi.

Tambah Encik Norhelmi lagi, selepas mereka menyedari ketidaksesuaian tarikh tersebut, mereka telah mencadangkan USM Japanese Language Society untuk menukar tarikh kepada 7 atau 8 Oktober.

Akan tetapi, menurut sumber-sumber USM Japanese Language Society yang tidak ingin dikenali, sebab mereka tidak menukarkan Japan Festival Night pada hari yang lain adalah kerana mereka bimbang bahawa mereka tidak dapat mencapai sasaran kehadiran sebanyak 400 orang siswa-siswi.

Walau bagaimanapun, USM Japanese Language Society masih mengadakan pameran Japan Festival dari 1 hingga 5 Oktober di Dewan Peperiksaan A (DPA) dan Dewan Peperiksaan B (DPB).

Pengurusan desasiswa hadkan saiz, jumlah kiriman pos siswa-siswi

Pengurusan Desasiswa Indah Kembara telah mengehadkan saiz dan jumlah kiriman penghantaran barangan oleh penghuni di pejabat desasiswa.

Urusan penghantaran barangan persendirian atau perniagaan melalui perkhidmatan pos atau perkhidmatan kiriman cepat (courier) telah dihadkan oleh Pengurusan IK berikutan penerimaan barangan pos penghuni yang bersaiz besar dan kuantiti yang banyak.

Perkara demikian menyukarkan pihak desasiswa apabila tiada tempat simpanan yang khusus untuk penyimpanan barangan pos kepada penghuni. Saiz kotak atau bungkusan barangan telah ditetapkan bagi seorang penghuni maksimum 1 kaki x 2 kaki untuk memudahkan penyimpanan barang.

Dalam pernyataan itu, Penggawa Desasiswa Indah Kembara, Tuan Haji Mohd Zain Dollah, katanya keengganan pejabat untuk menerima barangan yang bersaiz besar dan kuantiti yang banyak kerana ketiadaan ruang untuk simpanan. Tambah beliau, kelewatan penghuni menuntut barangan menjadi faktor kepada longgokan barang yang banyak disebabkan pejabat kerap menerima bungkusan yang banyak pada setiap hari.

Ujar beliau, sekiranya penghuni perlu membuat penghantaran pukal dalam kuantiti yang banyak dan besar, mereka perlu berurusan sendiri dengan pihak syarikat penghantaran untuk serahan kiriman.

Tambah beliau, pihak desasiswa juga tidak membenarkan nama samaran atau alamat penghuni disalahguna. Hanya kiriman penghuni yang berdaftar menginap di desasiswa itu sahaja akan diterima oleh pihak pejabat.

Siswa-siswi lain tidak dibenarkan menumpang menggunakan alamat Desasiswa Indah Kembara. Sekiranya terjadi, kiriman tersebut akan dipulangkan kepada pengirim. Mohd Zain Dollah juga berkata, pihaknya tidak ingin menanggung sebarang kehilangan barangan kiriman penghuni jika barang tersebut diambil oleh individu lain.

Sementara itu, pihaknya hanya akan membenarkan individu lain untuk mengambil kiriman barang jika terdapat surat pengesahan dari pemilik kiriman.

Tapak rempuh halangan PALAPES bukan tapak riadah

Tapak rempuh halangan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Sains Malaysia (USM) bahaya digunakan oleh siswa-siswi bukan PALAPES sebagai tapak riadah kerana boleh mengundang kemalangan akibat struktur tanah yang tidak sekata dan berlubang.

Menurut Penggawa Desasiswa Indah Kembara (USM), Mohd Zain Dollah, tapak tersebut tidak dikategorikan sebagai tempat beriadah untuk siswa-siswi bukan PALAPES kerana tidak dianggap padang.

"Siswa-siswi tidak digalak menggunakan kawasan tersebut untuk kegiatan sukan selain daripada latihan PALAPES kerana risiko kecederaan tidak ditanggung oleh pengurusan Desasiswa Indah Kembara (IK)", katanya kepada wartawan Berita Kampus.

Menurut Mohammad Asyraf, Ilmu Pendidikan 3, kawasan rempuh halangan merupakan salah satu kawasan yang sering digunakan oleh penghuni Desasiswa IK sebagai tempat beriadah seperti bermain bola sepak dan latihan sukan.

"Terdapat juga rakan dari penghuni desasiswa yang lain menggunakan padang tersebut sebagai tempat beriadah. Namun, keadaan struktur tanah yang rosak seperti berlubang mampu mengundang kecederaan kepada pengguna padang tersebut", jelasnya.

Tapak yang terletak bersebelahan kafe Desasiswa IK ialah tapak khas untuk anggota PALAPES melakukan kegiatan merempuh halangan dan tidak diiktiraf sebagai padang riadah untuk siswa-siswa selain dari anggota PALAPES.

> "Keadaan struktur tanah yang rosak seperti berlubang mampu mengundang kecederaan kepada pengguna padang tersebut"

. . . from front page

liveness detection. This means that if we die, there will be no flow of blood in the vein. Hence, the blood pattern cannot be extracted" he explained.

He also said that this system is not affected by external skin conditions. Even though the skin condition is bad, the feature inside is not affected.

This research is not completed and has been on-going since 2009. Dr Bakhtiar explained that the finger vein biometric system research has two directions which is the development of a small device with increased quality of image and the algorithms to make the device robust to any problems.

"Originally, it was produced using matlab and processed by computer which is quite slow. We are now trying to produce a smaller prototype that is embedded with a screen, computer and camera. However, this prototype is still new and incomplete", he added on.

This research is supported with the help of final year projects students, undergraduate and master students as well as one doctor of philosophy (Ph.D) student. The research is funded by three grants which are USM Short Term Grant, USM Research University Grant and Prototype Research Grant Scheme (PRGS) by the Ministry of Education (MOE).

According to Dr Bakhtiar, he hopes that the prototype produced will be as small as possible so that it can be incorporated into any device. He would like to see the prototype commercialised, sold and used by the community. He does not wish for it to remain solely in a lab research only.

Basikal pengangkutan pilihan siswa-siswi Kampus Kejuruteraan

Oleh **MICHELE NG HENG KIM**

Seiring dengan tujuh teras Universiti Sains Malaysia (USM), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di Kampus Kejuruteraan telah berusaha untuk menggalakkan kelestarian.

Perkhidmatan bas tidak disediakan di Kampus Kejuruteraan USM. Maka, siswa-siswi dibenarkan membawa kenderaan tanpa mengira tahun pengajian disebabkan bilangan tempat letak kereta yang mencukupi. Namun, penggunaan basikal menjadi gaya kehidupan siswa-siswi di sini kerana mampu dimiliki oleh kebanyakan siswa-siswi dan ruang meletak basikal yang banyak.

Dalam usaha MPP untuk mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor, laluan basikal baru diturap semula. Sejak empat tahun yang lalu, laluan pejalan kaki turut disediakan untuk kemudahan siswa-siswi.

Menurut Timbalan Presiden MPP, Ong Xuan Zhi, kemudahan tersebut mengurangkan kesesakan lalu lintas pada setiap pagi. Perkhidmatan membaiki basikal telah diperkenalkan tetapi tidak bertahan kerana ¬tidak diambil alih.

"Antara usaha yang dijalankan oleh MPP semasa saya memasuki USM adalah meletakkan pam angin di tiga tempat strategik di Kampus Kejuruteraan untuk kegunaan semua", tambahnya lagi.



SISWA-siswi Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia di Nibong Tebal berbasikal di sekitar kampus.

Pada tahun ini, MPP dengan kerjasama daripada Koperasi USM berjaya memperkenalkan basikal yang baru dan bergaya untuk siswa-siswi tahun pertama. Semasa pameran basikal, pihak ECOTEAM turut memperkenalkan sistem perkhidmatan sewaan basikal.

Ong berkata bahawa umumnya, basikal menjadi pengangkutan utama siswa-siswi di Kampus Kejuruteraan. Ia memudahkan pergerakan siswa-siswi dalam kampus.

Menurut Kho Ee Ping, Kejuruteraan Mekanikal 2, walaupun dia tidak pandai berbasikal, dia berpendapat bahawa penggunaan basikal dalam Kampus Kejuruteraan merupakan idea yang bernas dan menjimatkan masa.

Sebaliknya, Tan Kah Hooi, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik 2 berkata berbasikal ialah kegiatan yang tidak membebaskan sisa karbon dan membantu kita bersenam.

"Aktiviti berbasikal betul-betul membantu dalam mempromosikan kelestarian‘, tambahnya lagi.

Program Interaksi Kejuruteraan Mekanikal

Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal telah mengadakan Program Interaksi pada 27 hingga 28 September 2014 lalu.

Program yang diadakan di Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia (USM) ini bertemakan Kami Mekanik, Suara Mekanik, Untuk Mekanik.

Pengarah Projek, Khairin Nazmi Khalili berkata program ini bertujuan memperkenalkan realiti kehidupan di kampus kepada siswa-siswi baru. Program ini juga memberi gambaran awal kepada siswa-siswi tentang bidang profesional yang akan diceburi.

"Program ini menjadi asas untuk siswa-siswi meningkatkan semangat kerjasama dan potensi diri bagi merealisasikan visi dan misi pusat pengajian", jelasnya.

Menurutnya lagi, program ini dianjurkan untuk menanam sikap muhibah antara siswa-siswi selain merapatkan hubungan silaturahim sesama mereka.

Workshop prepares students for IEEEXtreme 8.0

Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE) Xtreme Programming Workshop was held with the main purpose of preparing its participants for IEEEXtreme 8.0.

IEEEXtreme is a global challenge in which teams of IEEE student members, supported by an IEEE Student Branch, advised and proctored by an IEEE member; compete in a 24-hour time span against each other to solve a set of programming problems.

The workshop was organised by Universiti Sains Malaysia (USM) IEEE student branch was held on 24 September 2014 in the microcomputer lab at School of Electrical and Electronic Engineering, USM Engineering Campus.

According to the project director, Tan Kah Hooi, IEEEXtreme 8.0 allows its participants to experience and solve real-world problem that may not be seen in university by programming.

"The competition is challenging hence we conduct this workshop for those who are going to participate in IEEEXtreme 8.0", he explained.

School of Electrical and Electronic Engineering lecturers, Associate Professor Dr Shahrel Azmin and Dr Junita Mohamad Saleh are involved in the workshop.



WORKSHOP participants listening to the explanation by Dr Shahrel

"Dr Shahrel briefs us on the programming competition based on his past experience as a judge in the competition. Both Dr Shahrel and Dr Juanita gave suggestions to the participants on their programming", Tan added.

He said that the workshop was a success as the participants have a brief idea on solving the question and know more about how a programming competition is conducted.

"This workshop should help give them the confidence to face IEEEXtreme 8.0", he said.

Pemenang Merdeka Award digelar minda paling berpengaruh



TERUJA…Prof. Dr Abdul Latif berkongsi pencapaian yang diraih baru-baru ini.

Oleh **NUR EMIRA SAIZALI**

Penyelidikan yang unik serta bertepatan dengan keadaan di Malaysia membolehkan Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr Abdul Latif Ahmad dinobatkan sebagai salah seorang penerima Merdeka Award 2014.

Saintis yang berusia 47 tahun ini ialah salah seorang daripada lima penerima sijil, anugerah dan wang bernilai RM500,000.

Menurut Prof Latif, beliau tidak langsung menjangka tentang pengiktirafan ini dan terkejut kerana sebagai seorang penyelidik, saya hanya mahu berkongsi sesuatu kepada masyarakat dan apabila menerima berita tentang pengiktirafan ini, beliau amat bersyukur kerana apa yang dilakukan selama 20 tahun telah membuahkan hasil.

Kajian yang telah membawa tuah kepadanya ialah merawat air sisa kilang kelapa sawit dengan menggunakan teknologi membran yang dilihat mampu memberi impak kepada pelbagai sektor di negara ini terutama sekali dalam bidang pertanian.

"Pencemaran dan masalah air bersih ialah faktor utama yang membawa kepada kajian tersebut kerana air ialah elemen penting dalam kehidupan seharian dan dengan terhasilnya teknologi ini, maka saya berharap dapat membantu menangani isu yang dihadapi", katanya.

"Saya berharap kajian yang telah dibuat ini dapat digunakan serta dikomersialkan di Malaysia agar ia setanding dengan teknologi yang sedia ada sekarang ini", jelasnya lagi kepada Berita Kampus.

Selain itu, Prof Latif turut menambah bahawa kejayaannya ini akan menjadi pendorong utama untuk menghasilkan penyelidikan yang lebih inovatif dan berguna untuk masyarakat.

Beliau masih belum mempunyai sebarang perancangan tetapi wang kemenangan tersebut akan digunakan dengan sebaik mungkin terutama sekali untuk penyelidikan yang akan dilakukan kelak.

Pada bulan Jun yang lalu, Prof Latif yang telah berkhidmat di USM selama 20 tahun telah diiktiraf sebagai salah seorang saintis dunia yang mempunyai minda paling berpengaruh 2014 oleh Thomson Reuters.

Antara penyelidikan yang sedang dilakukannya ialah yang berkaitan dengan pemanasan global, pencemaran udara dan kesan rumah hijau. Majoriti kajian yang dilakukan adalah menggunakan teknologi membran yang diimport dari negara-negara maju dan tidak ketinggalan, pada 2010, beliau dan pasukan penyelidik yang lain berjaya mencipta bahan asas untuk menghasilkan ubat mengurangkan sakit jantung.

Melalui inisiatif Petronas, ExxonMobile dan Shell, Merdeka Award telah diperkenalkan pada tahun 2007 untuk memberi pengiktirafan kepada pencapaian para sarjana yang telah memberikan sumbangan dalam bidang dan profesion mereka.

Hijrah Selebriti bakar semangat siswa-siswi

Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Sains Malaysia Kampus Kejuruteraan (PMIUSMKKj) telah menganjurkan program Bual Bicara Panggung Dakwah Selebriti (Musim ke-3) bertemakan Aku Yang Dulu Bukanlah Yang Sekarang pada 24 September yang lalu. Program berlangsung di Pusat Mahasiswa (PUMA), Universiti Sains Malaysia, Kampus Kejuruteraan.

Majlis dihadiri oleh Pengarah USM Kampus Kejuruteraan, Zainal Ariffin Mohd Ishak, Penasihat Persatuan Mahasiswa Islam, Nazrul Hassan, serta tiga orang ahli panel jemputan, Fadhli Hasbulah, Sham Kamikaze dan Ana Raffali.

Menurut Pengarah Program, Zulfahmy Kamarudin, objektif program ini ialah untuk berkongsi pengalaman selebriti-selebriti yang dijemput kepada siswa-siswi, membentuk siswa-siswi yang mampu menjadikan universiti sebagai medan untuk menimba ilmu duniawi dan ukhrawi untuk digunakan bagi kehidupan selepas alam kampus.

"Program ini juga bermatlamat untuk melahirkan siswa-siswi yang beriltizam dan menerapkan semangat menyampaikan perkara-perkara kebaikan dalam kalangan siswa-siswi", tambahnya lagi.

"Program ini memberi keyakinan dan kekuatan tentang bagaimana ingin terus istiqamah dalam berhijrah kearah yang lebih baik", kata Setiausaha Program, Nik Nor Amirah Rozik.

Dia turut berpendapat bahawa siswa-siswi bertuah kerana Fadhli Hasbulah mengadakan sesi penyucian jiwa dengan nasyid zikir dan muhasabah yag sangat menarik. Perkongsian Sham Kamikaze dan Anna Raffali turut menjadi pemangkin kepada siswa-siswi yang ingin berhijrah kearah yang jauh lebih baik.

Five students awarded Yellow Belt

Five students from USM Engineering Campus were awarded Yellow Belt certificates issued by BOSE Systems Malaysia (BSM) among 18 students who participated in the Yellow Belt Lean Six Sigma Training Program.

The five students, which are Mock Kar Wai, Mohammad Izzat Amzar Azmir, James Tan Zhi Qin, Juliana Md. Sardi and Low Yu Ning, have extended their training into mentored internships in BSM.

The BOSE-initiated program which is initiated by BSM and funded by a Graduate Employability Program Grant offered under the Ministry of Education, Malaysia, was conceived in April 2013 and commenced with its first selection cycle in Sept 2013. 18 students were subsequently chosen and underwent ten weeks of organised training by BSM from Feb to May 2014.

The IASSC Certified Lean Six Sigma Yellow Belt (ICYB) is a professional program who teaches participants the basics of the Lean Six Sigma Methodology. This methodology supports improvement projects as a part of a team and conducts small projects on a part time basis.



Participants took a group photo during their visit in BOSE Corporation with facilitators.

When asked about the most memorable experience during her internship, Low Yu Ning, Manufacturing Engineering with Management 4 said, "There is a high team spirit among participants and no real "hierarchy" in BOSE. You will be surprised when you see the operators and even the director chatting with engineers."

"I liked the culture there. In this environment, all the employees work happily and their improvements become significant," she added.

Meanwhile, another participant from USM, Mock Kar Wai said this program changed his perspective as a student.

"It has given me a wider and broader view of my field of study. It has also greatly increased my interest in my undergraduate studies as I am now more passionate in learning from my lecturers."

USM tawar ibadah qurban paling murah

Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (USM) tawar ibadah qurban paling murah – RM490 satu bahagian lembu dan RM750 untuk kambing – berbanding kawasan sekitarnya. 21 lembu, lapan kambing selamat dikorbankan selepas solat sunat Aidiladha.

Menurut Timbalan Pengarah Pusat Islam (USM), Ustaz Md. Yusof Abdul Rahim sebanyak RM76 030 dana yang diterima hasil pembelian bahagian qurban. Walau bagaimanapun Pusat Islam telah menambah dana dari tabung ibadah qurban sedia ada untuk menampung perbelanjaan.

"Seramai 100 petugas terdiri daripada warga USM dan masyarakat setempat terlibat dalam menjayakan ibadah qurban. Mereka dibahagikan mengikut bahagian tugas masing-masing termasuk sembelihan, pemotongan, agihan, masakan, dan pembersihan", jelasnya.

Seorang petugas muda, Muhd Habibullah Abdul Wahab,15, berkata beliau mula terlibat dalam ibadah qurban USM sejak berusia 11 tahun kerana mengikuti bapanya yang juga petugas dan staf USM.

MB Terengganu bersama PERMATA

Persatuan Mahasiswa Terengganu (PERMATA) Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan Hari Keluarga Bersama Menteri Besar Terengganu melibatkan ahli PERMATA dan universiti-universiti zon utara. Program ini bermula jam 7 pagi sehingga jam 1 petang di stadium USM pada 28 September yang lalu.

Menteri Besar Terengganu, Yang Amat Berhormat Dato' Hj Ahmad Razif Abdul Rahman berkata kerjasama yang diperolehi daripada USM dapat melancarkan lagi objektif kerajaan bagi mendekati rakyat terutamanya siswa-siswi untuk mendalami input sebenar yang ingin diutarakan siswa-siswi dalam program sebegini.

"Kerajaan negeri Terengganu telah membuat keputusan untuk mewujudkan perhimpunan siswa-siswi Terengganu sekurang-kurangnya setahun sekali yang mana mempunyai konsep tertentu seperti sukan, kebudayaan dan sebagainya", katanya lagi.

Pertemuan secara dua hala antara Menteri Besar bersama siswa-siswi ini dipandang positif oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar), Profesor Dr Adnan Hussein. Menurut beliau, semangat Menteri Besar mendekati siswa-siswi membuatkan USM amat mengalu-alukan kedatangan beliau.

"Selain mengadakan program dan seminar lain yang berkaitan usahawan, USM juga akan membuat kerjasama dengan kerajaan negeri Terengganu dalam program keusahawanan bagi mencapai hasrat kerajaan bagi melahirkan sekurang-kurangnya lima peratus graduan menceburi bidang ini", ujarnya.

Yang DiPertua PERMATA, Aidil Khairil Mazlan berkata program ini melibatkan USM, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang mana dikendalikan oleh 30 orang ahli jawatankuasa PERMATA USM.

"Terdapat banyak manfaat melalui program sebegini khususnya dapat mengamalkan gaya hidup sihat dengan acara sukaneka yang diadakan", kata siswi UPSI, Nazhatul Ashikin Sulong.

Siswi UniMAP, Siti Noraishah Zulkabri berpendapat ukhwah yang terbina daripada program ini amat baik dan mengeratkan lagi hubungan dalam kalangan ahli PERMATA zon utara.

Kerajaan negeri Terengganu dan . . .

Kerajaan Negeri Terengganu menyambut baik usaha siswa-siswi yang ingin menceburi di dalam bidang perniagaan selepas menamatkan pelajaran di universiti.

Memandangkan peluang untuk bekerja dengan kerajaan amatlah sengit, kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan bagi mereka yang ingin memulakan perniagaan.

Menurut Menteri Besar Terengganu, Yang Amat Berhormat Dato' Hj. Ahmad Razif Abdul Rahman yang ditemui di Program Hari Keluarga PERMATA, siswazah yang ingin memulakan perniagaan, bolehlah mendaftarkan diri dengan Yayasan Pembangunan Usahawan, dan mereka akan membantu untuk membuka syarikat perniagaan.

Selain berbentuk elaun, kerajaan negeri juga turut menyediakan kemudahan tempat dan juga barang keperluan. Bantuan yang disediakan ini akan menjadi milik kerajaan selama satu tahun dan akan diserahkan sepenuhnya kepada peniaga. Sekiranya perniagaan tersebut maju peniaga akan membuat pembayaran balik melalui pinjaman kepada kerajaan.

Tambah beliau, bidang keusahawanan ini amat bagus untuk diceburi pada masa kini, banyak usaha dari kerajaan yang dilakukan untuk membantu usahawan baru samada dari sektor perniagaan sederhana dan sederhana kecil".



BERSEMANGAT...Dato' Hj Ahmad Razif Abdul Rahman mencadangkan konsep kebudayaan dalam perhimpunan anak Terengganu pada masa akan datang. Foto oleh Nur Khalidah Abdul Halim

. . . USM sediakan bantuan kepada siswa-siswi libat dalam keusahawanan

Universiti Sains Malaysia (USM) menyambut baik usaha Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melahirkan seramai lima peratus para graduan untuk menjadi usahawan.

Pelbagai bantuan telah diberikan oleh pihak universiti kepada siswa-siswi yang berminat untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar), Professor Dr Adnan Hussein, pelbagai dana telah disediakan untuk membentuk minat, latihan, pendedahan dan mengadakan bengkel supaya mereka lebih bersedia untuk menjadi seorang usahawan.

USM menyediakan dana kepada siswa-siswi di samping menyediakan tempat kepada usahawan agar dapat membantu mereka dalam membina hubungan dengan pihak pengeluar dana seperti MARA.

"Saya sendiri menyambut baik usaha daripada kerajaan negeri untuk membantu siswa-siswi selepas menamatkan pengajian", kata Prof Adnan.

Tambah beliau, subjek Teras Keusahawanan yang perlu diambil oleh setiap siswa-siswi mempunyai objektif yang tersendiri iaitu memberi pendedahan mengenai keusahawanan. Pada masa yang sama, inisiatif ini adalah untuk menanamkan ciri-ciri keusahawanan yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan.



TIMBALAN Naib Canselor (Hal-Ehwal & Pembangunan Pelajar) Universiti Sains Malaysia, Profesor Dr. Adnan Hussein ketika menghadiri Hari Keluarga PERMATA menyambut baik usaha kerajaan negeri Terengganu dalam membantu siswa-siswi selepas tamat pengajian mereka.

Kemudahan TRU masih percuma

Oleh **ASMAH ALI**

Taman Rekreasi Universiti (TRU), Universiti Sains Malaysia (USM) bersebelahan dengan Kompleks Desasiswa Restu, Saujana dan Tekun (RST) dengan kemudahan asas yang lengkap, setakat ini masih tidak mengenakan sebarang bayaran keatas siswa-siswi.

Menurut Penyelaras TRU, Nor A'zam Shuib, TRU yang berkeluasan 87 hektar ini campuran dusun durian, langsat dan rambutan. TRU ini menyediakan perkhidmatan asas seperti bilik mandi, tandas, dewan, tapak perkhemahan bagi unit beruniform dan bekalan elektrik yang boleh digunakan oleh siswa-siswi USM.

"Aktiviti pemagaran berlangsung mengikut fasa dan dana yang sedia ada. Setakat ini 630 meter telah siap dipagar dan akan diteruskan sehingga kawasan TRU dipagar secara keseluruhannya. Aktiviti ini bertujuan bagi mengelakkan sebarang pencerobohan di kawasan tersebut", tambah beliau.



KEMUDAHAN asas di kawasan Taman Rekreasi Universiti USM. Foto oleh Norsyafiqah Zamal Ishak.

Beliau berkata mengikut perancangan yang telah dibuat, dijangkakan TRU mempunyai tapak perkhemahan khas untuk persatuan unit beruniform Kelanasisiwa, Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM), St. John Ambulance dan persatuan lain. Tapak perkhemahan yang sedia ada tidak dapat menampung peserta dalam kuantiti ramai kerana kawasan yang kecil.

TRU akan menerima kunjungan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan, Brunei dan Indonesia melalui program Higher Institutions National Expedition Camp (HINEX) anjuran Kelanasiswa USM dan Pengakap Negeri Pulau Pinang yang berlangsung hujung tahun ini.

Malam Kebudayaan Indonesia meriah

Persatuan Pelajar Indonesia Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Persatuan Pelajar Indonesia Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan Malam Kebudayaan Indonesia (MKI) di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) baru-baru ini.

Pengarah Program, Akbar Syahputra Lubis berkata program ini diadakan adalah untuk memperkenalkan dan mempromosikan budaya Indonesia kepada siswa-siswi USM.

MKI kali ini mempersembahkan tiga tarian iaitu Tarian Piring daripada Sumatera Barat, Tarian Kembang Girang daripada Bali, dan Tarian Rancak, Galuak, dan Lenggang juga dari Sumatera Barat.

"Saya amat suka siswa-siswi USM diperkenalkan mengenai tarian tradisional khusus daripada Indonesia supaya mereka sedikit sebanyak mempelajari budaya kami", jelasnya kepada Berita Kampus.

Siswa-siswi antarabangsa turut terlibat dalam memperagakan pakaian tradisional masyarakat Indonesia pada malam tersebut.

"Saya berharap program yang akan datang lebih meriah dengan persembahan dan penambahan kehadiran siswa-siswi", katanya lagi.

Konsulat General Republik, Ronald J. P Manik Indonesia turut hadir bersama memeriahkan lagi MKI.

Penyelaras ConVex'14 tampilkan kelainan

Temuduga bagi penyelaras ConVex'14 telah dijalankan sebanyak dua sesi pada 24 dan 26 September yang lalu bertempat di Dewan Utama Pelajar B (DUP B) dan Dewan Tari Kompleks Cahaya Siswa (KOMCA) Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Pengarah Projek ConVex'14, Mazni Mohd Zuki, sebanyak 12 jabatan yang dibuka termasuk tiga jabatan baru yang ditubuhkan iaitu grafik dan pendokumentasian, siaraya dan persembahan pentas serta aktiviti dan keceriaan ekspo. Tambahnya, ConVex'14 akan menjadi sebuah acara yang berprestij dan profesional di mana perjanjian yang ada telah diperketatkan kepada peniaga dan pihak lain yang terlibat.

"Selain dapat menimba pengalaman baru, siswa-siswi juga dapat menikmati ganjaran lain seperti mata MyCSD, elaun, baju dan kenalan. ConVex'14 ini juga mempunyai kelainan di mana sambutan secara gilang-gemilang akan diadakan bersempena sambutan jubli emas upacara konvokesyen kali ke-50", jelas Mazni.

"USM Nadi Masyarakat menjadi tema ConVex'14 selaras dengan hasrat universiti untuk 'memasyarakatkan ilmu dan merakyatkan pendidikan'. Kami akan mengetengahkan USM sebagai sebuah institusi yang memberi nilai tambah kepada pembangunan masyarakat", jelasnya lagi.

Mazni berkata aktiviti pada tahun ini juga membawa tema USM Nadi Masyarakat yang memfokuskan aktiviti yang membantu masyarakat. Antara aktiviti yang akan berlangsung pada ConVex'14 lebih kepada aktiviti pentas yang melibatkan persembahan artis jemputan, bual bicara bersama tokoh nadi masyarakat, pengkomersialan tapak convex serta sukan dan rekreasi seperti larian jubli emas.

Meneroka potensi diri menerusi EXP



Gabungan mantap tiga penceramah tetap dengan tetamu jemputan membuatkan suasana DTSP bertambah gamat.

Tiga alumni Universiti Sains Malaysia terus mengorak langkah menjelajah setiap negeri dengan menganjurkan program EXP (Explore The Unknown Potentials) dan kemuncak program telah dianjurkan pada 20 September 2014 bertempat di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia.

EXP 2014 The Grand Finale telah disertai oleh 3,000 peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah tingkatan 4, 5 dan 6. Seminar perkongsian ilmu dan pengalaman dikendalikan oleh tiga alumni Universiti Sains Malaysia iaitu Solihin Razali, Azhar Jalil dan Faris Hakim.

Program yang dirangka khusus oleh ketiga-tiga alumni ini bertujuan meneroka potensi luar biasa dan meningkatkan kemahiran penguasaan ilmu para pelajar melalui 128 teknik belajar pantas.

Menurut Azhar, Universiti Sains Malaysia dipilih sebagai tempat penganjuran program kerana mereka ingin mendedahkan para pelajar dengan suasana universiti yang sebenar.

"EXP ialah seminar yang menggunakan pendekatan terkini dengan mengenengahkan pelbagai elemen seperti muzik kerana kami mengambil kira perkembangan generasi alpha yang membesar dengan media interaktif," jelasnya.

"EXP akan menjadi fenomena baru dalam menambah nilai dan memberi manfaat kepada para pelajar khusunya yang berada di luar bandar. Majlis Guru Kaunseling (MGK), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) sentiasa memberi kerjasama yang baik dalam pengajuran setiap siri program ini sehingga berjaya sampai ke peringkat ini," ulas beliau.

Beliau berkata cabaran terbesar yang dihadapi sepanjang menganjurkan program ini ialah dalam menyediakan modul yang sama namun perlu mengambil kira perbezaan potensi pelajar itu sendiri berdasarkan latar belakang dan keupayaan mereka.

"Sasaran kami pada tahun hadapan ialah seramai 10,000 orang pelajar akan menyertai EXP dan akan diperluaskan ke negara luar seperti Korea Selatan, Jepun, India dan New Zealand," katanya lagi.

Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor, Fynn Jamal, Elfira Loy, Kumpulan Titan (Bintang Mencari Bintang) dan Nooraizan Zie merupakan penceramah yang dijemput khas. Program EXP 2014 THE GRAND FINALE ialah anjuran bersama Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah, Sekretariat Alumni Fajar Harapan dan Meow Meow International Sdn Bhd.

Misi TAHA@USM beri peluang dekati jemaah haji



TEKUN para sukarelawan TAHA@USM menerangkan fungsi tag nama kepada jemaah haji.

Oleh **NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF**

Misi TAHA@USM telah dijalankan oleh Briged Sukarelawan Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji Malaysia. Beberapa orang sukarelawan telah terlibat dalam memastikan kelancaran pengurusan jemaah haji yang berlepas ke Mekah pada bulan September.

Yang DiPertua Briged Sukarelawan USM, Azamy Syawal Ramli berkata, misi ini mula diwujudkan pada tahun 2012 dengan harapan untuk mendekatkan siswa-siswi dengan jemaah haji.

Tambahnya lagi, USM adalah satu-satunya universiti di Malaysia yang dipilih oleh Tabung Haji untuk membantu jemaah haji dalam proses berlepas ke Mekah.

"Misi ini adalah salah satu proses dalam penyelidikan kesukarelawanan, bagi melihat impak tugas sukarela terhadap pelajar. Siswa-siswi juga didedahkan dengan proses yang terlibat bagi menaiki kapal terbang. Walaupun kami berdepan dengan situasi seperti kurang masa tidur dan bekerja sehingga lewat pagi, tetapi pengalaman yang diperoleh sangat bernilai", katanya kepada Berita Kampus.

Menurut Azamy lagi, antara tugas yang dilakukan oleh mereka ialah mengangkat bagasi jemaah, menyediakan tag nama dan memastikan keperluan jemaah dipenuhi.

Seorang jemaah, Che' Puteh Hashim, 60, berkata "sukarelawan TAHA@USM banyak membantu melancarkan perjalanan kami sebelum berlepas. Mereka juga sentiasa tersenyum dan tidak mengeluh walaupun bekerja.Saya berharap layanan baik ini dapat diteruskan pada masa akan datang". Seramai 20 orang sukarelawan yang terlibat dalam misi TAHA@USM di Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas.



Misi ini adalah salah satu proses dalam penyelidikan kesukarelawanan, bagi melihat impak tugas sukarela terhadap siswa-siswi.



Mid Autumn Festival meriah

Sekreteriat Kebudayaan Kesenian Tionghua (SKKT) telah menganjurkan Mid Autumn Festival yang berlangsung pada 26 hingga 27 September yang lalu. Festival ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat, Professor Dato' Dr See Ching Mey yang bertempat di Padang Kawad, Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Pengarah Projek, Kuah Kok Ern, sambutan majlis perasmian sangat meriah dan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik yang telah disusun. Majlis perasmian dilakukan dengan sempurna dan disusuli dengan upacara penyampaian cenderamata.

"Majlis turut dimeriahkan dengan pelbagai persembahan menarik seperti persembahan kanak-kanak, persembahan Wu Shu, tarian tradisional Cina dan sebagainya. Aktiviti persembahan diakhiri dengan cabutan bertuah", kata Kuah.

"Sambutan Mid Autumn Festival disambut dengan baik bukan sahaja daripada siswa siswi di USM, malah mendapat sambutan daripada setiap warga USM serta orang luar", tambah Kuah lagi.

Schoolchildrens' talent shine at MAF 2014

School children were given a chance to showcase their talent in a colouring competition that was held during Mid-Autumn Festival (MAF) at Dewan Utama Pelajar, Universiti Sains Malaysia (USM) on 27 September.

According to the Project Director, Kuah Kok Ern, a total of 45 school children aged Standard 1 to 3 were given a task to colour the template of this year's festival logo within 3 hours. They were given the freedom to use various stationaries, such as colour pencils or crayons to display their creativity.

He also added that the actual number of school children who registered for the event is 87, but due to some of the participating schools' last minute decision to have a replacement class, half of the participants could not make it.

The competition was held to raise funds to finance the rental of the venue for this year's festival which was held at Padang Kawad, USM.

"Our organisation is lacking in financial funds, so that is why we organised this competition to raise funds for this festival. Since we held it outdoors, we needed more financial support for it", Kuah said.


Schoolchildren get their creative juices flowing during the competition

According to the Vice President of Chinese Arts and Cultural Secretariat (SKKT) of USM, Goo Chuan Chiew, the event had been a successful one.

"I think it's really suitable to organise this contest in conjunction with our festival because it provides a platform for primary school students to showcase their extraordinary drawing skills and creativity", Goo said.

He also added that the schoolchildren had added many Chinese cultural elements in their masterpieces. This went along with the organisers' main objective, which was to nurture young ones with the Chinese culture so that they will not forget their culture with the advancement of technology.

The colouring competition was one of the activities that were held during the festival to showcase schoolchildrens' talents. There were other competitions such as a singing competition that was held for schoolchildren aged 10 to 12, as well as a lantern-making competition for the secondary school students.

The theme for this year's Mid-Autumn Festival is Diverseo Night of Moonlight. The word 'Diverseo' is a Portuguese word which means 'fun' and was inspired by the recent FIFA World Cup that was held in Brazil. This was the second year that the festival was held by SKKT USM. Previously, the festival was organised by USM Students' Representative Council.

The festival which was held from the 26 and 27 September featured food exhibitions, games and various cultural performances.



I think it's really suitable to organise this contest in conjunction with our festival because it provides a platform for primary school students to showcase their extraordinary drawing skills and creativity



Kesedaran diabetes dipupuk dalam kalangan warga USM

Pusat Pengajian Sains Farmasi dengan kerjasama Pejabat Antarabangsa dan Pusat Sejahtera, Universiti Sains Malaysia telah menganjurkan bengkel 1st USM International Diabetes Awareness untuk memupuk kesedaran terhadap diabetes dalam kalangan warga kampus pada 30 September yang lalu.

Yuran penyertaan adalah sebanyak RM15 bagi staf USM dan RM10 untuk siswa-siswi. Sambutan terhadap bengkel ini agak menggalakkan dengan penyertaan seramai 100 peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan warga USM.

Menurut Pegawai Sains Pemakanan Klinik Kesihatan Kepala Batas, Siti Rohana Din, bengkel ini sememangnya memberi pengetahuan yang mendalam dan terperinci mengenai penyakit diabetes kepada para peserta.

"Diabetes perlu dibendung dari peringkat yang awal lagi sebelum mengundang kemudaratan yang serius kepada si pesakit. Melalui bengkel ini, para peserta mendapat peluang untuk melakukan ujian glukosa seterusnya mendapat khidmat nasihat daripada pakar perubatan", jelasnya lagi.

Menurut salah seorang ahli jawatankuasa bengkel ini, Raghdaa al Zarzour, para peserta akan memperoleh pelbagai manfaat seterusnya didedahkan kepada kajian-kajian yang telah dilakukan oleh siswa-siswi USM berkenaan diabetes yang dapat dijadikan sebagai rujukan untuk masa hadapan.

"Kami telah membuat perancangan yang sistematik agar bengkel ini dapat dijalankan pada setiap semester untuk mewujudkan warga kampus yang sejahtera dan bebas daripada penyakit diabetes", tambahnya lagi.

Siswa-siswi kurang sedar kepentingan warisan Melayu Patani

Kampus Induk Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menganjur Persidangan Antarabangsa Warisan Patani dalam Sastera Budaya dan Media pada 23 hingga 24 September 2014 lalu bertempat di Dewan Persidangan Universiti (DPU) USM.

Persidangan bertema Melayu Patani Mendepani Cabaran Globalisasi adalah kegiatan kemuncak bagi projek penyelidikan Warisan Patani dalam Sastera, Budaya dan Media, diusahakan oleh ahli-ahli Bahagian Kesusasteraan, Universiti Sains Malaysia sejak 2012. Persidangan ini hasil kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia dan jaringan institusi-institusi berkaitan di Patani.

USM mengambil insiatif menjalankan penyelidikan tentang media baru dalam mempengaruhi warisan, khasnya sastera dan budaya dalam masyarakat Patani.

Persidangan antarabangsa menjadi salah satu cara untuk membentuk kerjasama yang baik dalam rangka mendokumentasi warisan Melayu-Patani di wilayah selatan Thailand.

Menurut Pengerusi Program, Md Salleh Yaapar, persidangan ini membahaskan kehebatan masyarakat Melayu Patani dahulu dan keadaan mereka masa kini. Ini dapat membantu usaha melestari dan penyuburan tamadun Melayu Patani untuk generasi masa kini dan mendatang.

"Siswa-siswi perlu sedar tentang warisan, bangsa, sastera dan media. Siswa-siswi boleh memanfaatkan internet untuk mempromosikan warisan terutama melalui Youtube", tambah beliau.

Kertas kerja para sarjana Malaysia dan Thailand akan diterbitkan dalam jurnal dan bentuk penerbitan lain untuk sebaran dan manfaat ramai.

Naib Canselor Universiti Peshawar kunjung USM



SESI soal jawab antara Profesor Dr Mohammad Rasul Jan dan peserta program USM Leaders Talk Series 4 di Dewan Persidangan Universiti.

Oleh **SITI FASRIANA SHAARI**


Universiti Sains Malaysia (USM) menerima kunjungan Naib Canselor Universiti Peshawar, Profesor Dr Mohammad Rasul Jan 26 September lalu di bawah program USM Leaders Talk Series 4. Beliau hadir memberi syarahan bertajuk Globalization and The New Role of Higher Performance di Dewan Persidangan Universiti (DPU).

Syarahan ini dihadiri Naib Canselor USM, Profesor Dato' Omar Osman dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa USM, Profesor Dato' Dr Ahmad Shukri Mustapa Kamal. Syarahan ini menggariskan inovasi dan keusahawanan sebagai peranan baru institusi pengajian tinggi.

Kaedah menggalakkan inovasi adalah mengurangkan peraturan dalam kegiatan akademik, pengenalan golongan profesional dalam kerajaan, pengenalan kepada kaedah pengurusan baru, membangunkan sistem insentif, membangunkan struktur staf akademik yang baru, kepentingan pembelajaran yang berterusan dan banyak lagi.

Profesor Dr Mohammad Rasul Jan berpengalaman selama 35 tahun di dalam bidang pengajaran dan penyelidikan. Beliau pernah mengetuai Bahagian Sains Alam Sekitar dan Bahagian Kimia sebelum menyandang jawatan sebagai Naib Canselor. Beliau turut dikurniakan anugerah *Pride of Performance* oleh Presiden Pakistan atas sumbangan beliau dalam bidang kimia.

Malam Rejimental rai Pegawai Muda PALAPES USM


BERGAYA ... Pegawai kadet yang baru ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dalam pasukan simpanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersama Naib Canselor USM, Kolenal (Kehormat) Prof Dato' Dr Omar Osman (kesembilan dari kiri) di Majlis Makan Malam Rejimental yang diadakan di Hotel Equatorial.

Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Sains Malaysia (USM) meraikan para pegawai kadet yang telah ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dalam suatu Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) yang diadakan di Hotel Equatorial, Pulau Pinang baru-baru ini.

Menurut Pengarah Projek, Leftenan Muda Lim Kok Kheng, MMR ialah salah satu kegiatan tahunan PALAPES yang bertujuan untuk meraikan semua Pegawai Kadet PALAPES Darat, PALAPES Laut dan PALAPES Udara yang baru ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dalam Pasukan Simpanan Angkatan Tentera Malaysia di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada Ogos yang lalu.

"Program ini juga merupakan satu alternatif untuk mengeratkan hubungan warga PALAPES USM yang terdiri daripada siswa-siswi dan staf dengan kepimpinan universiti", jelasnya.

"Saya berharap program MMR ini mampu memberi rangsangan dan dorongan kepada pegawai kadet untuk lebih memahami bidang ketenteraan", katanya.

Turut hadir pada majlis itu, Naib Canselor USM merangkap Komandan PALAPES USM, Kolonel (Kehormat) Prof Dato' Dr Omar Osman, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) merangkap Timbalan Komandan PALAPES Laut, Komander (Kehormat) Prof Dato' Dr Muhammad Jantan PSSTLDM, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) merangkap Timbalan Komandan PALAPES Udara, Leftenan Kolonel (Kehormat) Prof Dr Adnan Hussein PSSTUDM dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) merangkap Penolong Pesuruhjaya Polis KOR SUKSIS Prof Dato' Ahmad Shukri Mustapha.

Menyelusuri Sistem Koha di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

Apa itu Koha? Koha ialah satu sistem perpustakaan bersepadu (ILS) yang boleh di rombak oleh mana-mana pihak tanpa dikenakan sebarang bayaran dan dikendalikan oleh hampir 2000 komuniti pakar. Justeru, segala keperluan dan permasalahan yang dihadapi akan dibantu secara tidak langsung oleh komuniti ini.

Menurut Timbalan Ketua Pustakawan Universiti Sains Malaysia (USM), sistem Koha adalah langkah terbaik ke arah kelestarian universiti daripada aspek kos penyelenggaraan mahupun pembelian sistem. USM hanya membelanjakan wang untuk memperkasakan kemahiran para staf yang bertanggungjawab mengendalikan sistem Koha melalui seminar dan bengkel yang dianjurkan.

"Jika dibandingkan dengan sistem ILMU (Sistem Krisalis terdahulu), pengendaliannya sahaja menelan ratusan ribu ringgit setahun", jelas Mohd Nasir.

Seiring perubahan teknologi, sistem Koha akan ditambahbaik dari semasa ke semasa supaya lebih memanfaatkan pengguna misalnya peminjaman buku melalui gajet. Sistem locator, yang menyerupai GPRS akan digunakan untuk mengenalpasti kedudukan bahan-bahan rujukan yang dikehendaki. Bahasa utama dalam sistem Koha ialah Bahasa Inggeris dan turut dipelbagaikan ke bahasa-bahasa lain seperti Cina, Perancis, Arab dan lain-lain. Namun Bahasa Melayu dan Indonesia masih tidak dapat diaplikasi berikutan kekurangan penterjemah khas daripada golongan komuniti.

Terdapat pelbagai manfaat yang dapat diperoleh daripada sistem Koha berbanding ILMU. Sistem perisian yang ringan, mudah dan efektif melancarkan proses muat turun secara pantas berbanding sistem ILMU. Sistem Koha melalui versi telefon bimbit memudahkan siswa-siswi dan staf kerana berbentuk interaktif. Perisian sistem ini adalah mesra pengguna dan sesuai untuk pengguna yang baru. Jika diteliti manfaatnya dari aspek pentadbiran, sistem Koha adalah lebih efisien kerana rekod kegagalan sistem dalam satu jangka masa adalah pada tahap yang sangat minima.

Walaupun rangkaian talian menghadapi masalah, staf masih boleh beroperasi dalam mod offline. Penambahbaikan yang dirancang pada masa hadapan dalam sistem Koha adalah rangkaian data siswa-siswi yang akan diperbaharui dari semasa ke semasa supaya mereka dapat berurusan dengan pihak perpustakaan menerusi online



Ketua Pustakawan Perpustakaan USM, Encik Adnan bersama-sama dengan Timbalan Ketua Pustakawan, Encik Nasir menerima Anugerah Kajian Kes National Open Source Software 2009

Melakar kejayaan di pentas kebangsaan

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) mula melakar kejayaan di pentas kebangsaan apabila Institut Pergigian dan Perubatan Termaju (IPPT) mengimplementasikan sistem Koha di kampus tersebut. Impaknya, IPPT telah berjaya memenangi anugerah di peringkat kebangsaan sempena acara tahunan MyGosscon 2009 anjuran Unit Pemodenan, Tadbiran dan Perancangan Malaysia.

Malah, lebih membanggakan lagi USM berjaya menduduki di tangga teratas setelah meraih Anugerah Kajian Kes National Open Source Software 2009. USM juga menerima tempat kedua dalam Peraduan 24 Jam di Open Source Software Annual Conference dan memperoleh sistem yang dibangunkan oleh sekumpulan pengaturcara di Pusat Advanced IPv6 Kebangsaan.

Mohd Nasir berkata USM bukan sahaja berjaya mengurangkan kos operasi dan penyelenggaraan lebih daripada 10,000 buah buku dan bahan bacaan di Perpustakaan IPPT tetapi turut membolehkan pihak pengurusan beroperasi dengan lebih efektif.

Sementara itu, wakil daripada Pusat Advanced IPv6, Lingeswari Chandra yang mengetuai pasukan WALTS 6 memaklumkan, pencapaian pasukan mereka dalam mewujudkan Perisian Sumber Terbuka dalam masa 24 jam adalah bukti keupayaan pelajar USM dan pengaturcara dalam mewujudkan perisian yang berkualiti walaupun menghadapi pelbagai cabaran.

Pada tahun 2015, USM mensasarkan untuk melahirkan pakar runding dalam bidang Perisian Sumber Terbuka Perpustakaan untuk terus memanfaatkan kakitangan di Perpustakaan dan siswa-siswi USM. Manakala, pada 2016 USM akan menjadi salah sebuah pusat rujukan perisian sumber terbuka di peringkat kebangsaan dan menjadi model kepada perpustakaan lain untuk melaksanakan sistem Koha.

Tahun	Sejarah
1999	•Horowhenue Library Trust (HLT) meneliti beberapa kertas cadangan untuk menggantikan sistem lama yang menjangkau usia 12 tahun. •Katipo Communication menghasilkan web berasaskan Library Management System (LMS) di bawah GNU General Public License.
2001	•Penambahbaikan telah dilakukan terhadap sistem terbuka (Koha) oleh Paul Poulain dari Perancis iaitu mempelbagaikan penggunaan bahasa.
2002	•Penambahbaikan dilakukan untuk menyokong rekod-rekod antarabangsa dan Piawaian MARC dan Z39.50.
2005	•Syarikat LibLime menambah ciri baru iaitu Zebra yang merupakan kelajuan tinggi pangkalan data.
2008	•Institut Pergigian dan Perubatan Termaju (IPPT) mula menerapkan sistem terbuka (Koha).
2009	•IPPT telah memenangi beberapa anugerah di peringkat kebangsaan.
2011	•Penerapan diperluaskan ke 14 Perpustakaan pusat wilayah dan Pusat Pengajian Jarak Jauh (PPJJ).
2014	•Sistem terbuka (Koha) mula diserapkan di Kampus Induk, USM akhir Jun 2014.

KRONOLOGI PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN PERPUSTAKAAN BERSEPADU SEJAK 1987 SEHINGGA KINI

Dobis-Libis | 1987 - 1997 | 10 tahun

Phoenix | 1997 - 2004 | 7 tahun

Ilmu | 2004 - kini | 9 tahun

Koha | 2009 - kini | 3 tahun



Siswa-siswi menggunakan Sistem Koha untuk pencarian bahan-bahan bacaan yang dikehendaki di Perpustakaan Hamzah Sendut 1, USM

Seiring perkembangan teknologi terkini

Sistem Koha dibangunkan seiring dengan perkembangan masa kini yang lebih menjurus kepada teknologi. Gajet canggih yang dimiliki majoriti siswa-siswi membuktikan bahawa mereka gemar terlibat dalam proses pembelajaran melalui kaedah yang lebih mudah dan interaktif. Sistem Koha ini sudah mampu memenuhi kehendak mereka kerana sifatnya yang mesra pengguna.

Idea untuk melaksanakan sistem Koha tercetus apabila sistem sedia ada tidak lagi selari dengan keperluan semasa perpustakaan. Sistem Koha adalah setanding dengan sistem sama yang terdapat di luar negara. Perkongsian data daripada komuniti dari luar negara dapat dilakukan secara langsung dalam sekelip mata sahaja.

Koha diubahsuai dan diselenggara secara rapi oleh pakar-pakar dalam bidang perisian teknologi maklumat perpustakaan dari seluruh dunia. Lebih daripada 100 pakar yang terlibat dalam proses membangunkan sistem ini. Selain itu, hampir 7000 pengguna aktif sistem Koha secara global dan bilangannya bertambah dari semasa ke semasa.

Sistem Koha adalah sepenuhnya berasaskan web perpustakaan versi 2.0. Sokongan padu daripada para komuniti dan vendor turut melancarkan lagi usaha untuk memajukan Koha pada masa hadapan demi kebaikan bersama.



Timbalan Ketua Pustakawan Perpustakaan USM, Encik Nasir membentangkan hasil kajiannya

Menyingkap pandangan warga USM

Mohd Nasir berkata penyelenggaraan sistem Koha dilakukan dengan menggunakan kepakaran dalaman. Selain itu, dalam usaha memantapkan kemahiran para staf yang terlibat dalam proses penyelenggaraan ini, maka seminar, latihan dan bengkel akan diadakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Siti Norehan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan 2, berpendapat sistem Koha sememangnya ringkas dan mudah digunakan berbanding dengan ILMU. Rangkaian pencarian jurnal mahupun buku-buku rujukan dalam sistem Koha bersifat sistematik dan efektif kerana senarai rujukan yang dipaparkan adalah lebih menyeluruh.

“Penggunaan Bahasa Inggeris dalam sistem Koha merupakan cabaran yang perlu ditempuh siswa-siswi untuk mengukuhkan lagi tahap pemahaman dan kemahiran mereka dalam menggunakan bahasa global tersebut,” katanya lagi.

Mohd Nasir berpandangan bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem Koha telah diselaraskan untuk kebaikan bersama dengan mengambil kira kepentingan siswa-siswi dari luar negara.

Menurut Zarina Mohd Ibrahim, Pendidikan Jarak Jauh 1, sistem koha ini bukan sahaja membantu pelajar ijazah sarjana muda tetapi memudahkan urusan peminjaman dan pemulangan buku pelajar-pelajar pendidikan jarak jauh juga.

Pelbagai idea untuk penambahbaikan tercetus setelah menyingkap pandangan daripada pelajar antarabangsa. Miki Matsumura, Pengurusan 3, berkata bahasa Inggeris yang telah diselaraskan dalam sistem ini tidak menyukarkannya lagi untuk mencari bahan-bahan rujukan namun dia berharap agar Perpustakaan USM dapat mewujudkan kolaborasi dengan perpustakaan-perpustakaan awam untuk proses peminjaman buku antara perpustakaan pada masa hadapan.

Sakila Uddin, Ilmu Pendidikan 2 berpendapat sistem terbuka ini beroperasi secara pantas berbanding dengan sistem ILMU yang akan mengambil masa panjang untuk memuat turun senarai carian bahan bacaan yang dikehendaki.

Menurut Pustakawan Perpustakaan USM, Mohd Kamal Mohd Napiah, sistem Koha yang digunapakai dalam Bengkel Jom Mencari Maklumat memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran kerana ianya bukan sahaja seiring dengan teknologi terkini malah memenuhi kehendak siswa-siswi

Relax at Campus Café

By **DEBRA WONG SER LIN**

Walk into Campus Cafe, one of the newer food establishments in Universiti Sains Malaysia (USM), and for a moment you might actually forget that you are still within the grounds of USM, where most restaurant operators run their business canteen-style in hostels or in study hall buildings. But what is this newly opened café all about? The writer, on behalf of Berita Kampus, personally visited the café premises to find out more.



Students enjoy a late lunch in the café, which is designed to resemble an actual cafeteria within the grounds of USM.

Experiencing a café atmosphere in campus

Campus Café lives up to its name, as far as appearances are concerned. There is a counter with the entire menu written in chalk above it for diners to choose; home-made bread arranged nicely for sale near the entrance; partitions separating the counter, seating areas, basins and the kitchen; comfortable sofas and recliners with newspapers; and matching café furniture complete with vintage wall decorations. There is even a stage and a sound system for live performances, and oh, did I mention free Wifi?

"Previously, this place was a canteen that offered catering services to USM staff. When we took over, we wanted to change the focus of the café – we wanted to focus on students, which is why we renovated the place to reflect this new focus – the free Wifi, air-conditioning, the music playing in the background while diners eat," said the café's manager, David Yim.

A slow start

As nice as atmosphere goes, the most crucial value of a food outlet still rests in the food that it serves, and Campus Café's current offerings didn't disappoint – although personally I would have preferred my Cappuccino a little sweeter. That was quickly settled, however, with a condiment counter where diners can add sugar to drinks or sauces and spices to food to their personal preference. However, it was not always this way.

"When we first started in June, everyone was still new, and there was a problem where food portions were concerned – they were irregular. There was a student that told us she didn't enjoy her meal because she was given a very small portion of food for what she felt was expensive. We treated her to a free meal for her next visit - to make it up to her - but she didn't take us up on our offer," David says. "Business was also slow throughout June – August due to study week, exam and the long semester break."



Café manager, David Yim, personally attending to diners' orders.

Student singers: Wanted!

In the future, Campus Café hopes to make full use of the stage and sound facilities that it has by introducing live and unplugged performances. "We hope to employ USM students who are able to sing to perform part-time here for pay." At present, Campus Café caters to society meetings and private functions, which are booked ahead of time via phone or the café's Facebook page.

From Berita Kampus' visit to Campus Café, we found that the place offers a unique dining concept, good service as well as reasonably-priced lunch sets. We invite you to experience the café for yourself.

Building momentum and trust

"Things are changing for the better now," David continued. "We are slowly seeing an increase in the number of customers that we serve in September, and we hope that this continues into the future." He added that the issue of food portioning that was present in the first few months of Campus Café's operations had now been solved.

"For instance," he explained, pointing to the plate of Campus Chicken Spaghetti (RM8.90) that I ordered, "every portion of Campus Chicken Spaghetti served now is weighed at 220 grams, which is slightly larger than the food and beverage (F&B) industry standard of 150-200 grams per serving of pasta."

The most popular items on the menu, according to feedback from customers, was the Campus Nasi Lemak Meletop (RM7.90) and the Chicken Spaghetti, while for beverages customers enjoyed the Campus Mocha and Campus Chocolate, which come free with set lunches and cost RM2.00 (hot) and RM2.50 (cold) when ordered a la carte. "We thrive on feedback from diners and constantly seek to improve our services," David added.

Lunch = peak hour

Peep through the glass window that separates the dining area from the kitchen, and you see chefs and their assistants – all local and dressed in aprons and gloves – preparing dishes to cater to diners' orders. There are only seven full time staff here, which makes lunch hours – which are the peak hours of the café – challenging.

"I used to handle 22 customers at one time," Hilmi, a barista that works the evening shift (12pm – 9pm), says. There is an overlap between Hilmi's shift and those who work the morning shift (8am – 5pm) during lunch hours to cater to increased need.

"Our head chef, Chef Khalid, formerly worked at Hard Rock Café, Penang. Sadly, he passed away on 24 September, and we miss him dearly. However, we still have three capable chefs who serve good food and constantly seek for improvement for the dishes that we serve here," David added. He has worked in the F&B industry since 1981 and has opened two bakeries under his name in Seberang Jaya and Bayan Baru, Penang.

Staff: "We are like a family"

One of the chefs, who goes by the name Kak Atee, was formerly a housewife whose love of cooking took her to seek out a working opportunity, and according to her, the staff at Campus Café are "like a family". The dish she likes to prepare the most, Nasi Lemak Meletop, is a best-seller, and she has received mostly positive feedback from diners. "I am very busy during peak hours," she says, "but I love that I get the chance to cook for the masses." A single mother, Kak Atee's son was also a former staff of Campus Café for a while before he went to pursue his bachelor's degree in Computer Science in Universiti Teknologi Mara (UiTM), Arau campus.

According to Hilmi, who worked in Campus Café since July, he enjoys the work environment there. "There are a lot of customers and I am happy here," adding that his favourite drinks to prepare are Campus Mocha and Campus Chocolate. Hilmi, who has had four years' experience in the F&B industry, also sees the café a good place for him to observe and learn about the F&B business. "I want to gain knowledge to open my own café in the future."

What do students say?

Erma Amira, Biology 3, has visited the café six times and brings her friends over to try the lunch sets served there. "I like the environment here, because it feels like I am in an expensive, exclusive café even though I am still in USM," she said, adding that her favourite dishes there are the Nasi Lemak Meletop and the Macaroni lunch sets.

One of her friends, Aimi Mastura, who visited the café for the first time, was equally pleased with the café. "The food is delicious, the environment is interesting and the service here is tip-top," she said.


Thean Yee Won, Housing, Building and Planning 2, found Campus Café a much better place than it was when it just opened in June. "There is more choice of foods and cakes on the menu. They have improved a lot," she remarked, adding that the ambience of the café is nice and comfortable.

Her coursemate, Tiong Ling Ling, was impressed in what was her first visit. "The Mee Udang that I ordered was slightly spicy for my taste, but I still like it here and would definitely come again," she said.

Manusia bakal makan serangga

Makanan adalah salah satu keperluan asas manusia di samping tempat tinggal dan pakaian. Kini, masalah kekurangan makanan yang pada mulanya bersifat setempat dan hanya sinonim dengan negara-negara dunia ketiga menjadi semakin kronik. Hal ini demikian apabila harga pasaran bekalan makanan di peringkat dunia turut meningkat dan mula memberi ancaman yang lebih global termasuklah kepada negara-negara maju.

Oleh yang demikian, isu krisis makanan bukanlah satu isu remeh yang boleh dibiarkan begitu sahaja. Apa yang membimbangkan, krisis makanan yang menimpa dunia sekarang ini melibatkan bekalan makanan ruji seperti beras, gandum, bijirin dan jagung yang menjadi keperluan asas.



KONGSI . . . Prof Dr Chow Yang Lee banyak melakukan penyelidikan tentang bidang Entomophagy.

SERANGGA LEBIH BANYAK PROTEIN

Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), sesetengah serangga mengandungi dua protein mentah yang terdapat dalam daging dan ikan sementara serangga di peringkat larva, kaya dengan lemak, vitamin dan mineral. Oleh sebab ia lebih murah dan banyak membawa faedah kepada kesihatan manusia, pakar-pakar pertanian antarabangsa menggesa penduduk dunia berfikir secara serius untuk beralih memakan serangga sebagai penyelesaian kepada krisis kekurangan makanan.

Seramai 50 pengkaji antarabangsa di PBB menjangkakan ulat bulu dan belalang akan menjadi sumber makanan alternatif pada masa hadapan, seperti yang disiarkan oleh sebuah agensi berita Amerika Syarikat bertarikh 20 Oktober 2008. Beratus-ratus jenis serangga mengandungi kandungan protein sekali ganda lebih tinggi daripada daging dan ikan.

Menurut pensyarah Pusat Pengajian Sains KajiHayat, Prof. Dr Chow-Yang Lee, pada masa depan kita akan menyaksikan lambakan serangga di saat makanan utama masa kini seperti daging berkurangan. Mujurlah protein dan bahan-bahan berlemak terdapat dengan banyaknya di dalam 'daging' serangga.

Prof Lee telah melakukan penyelidikan mengenai serangga sebagai makanan manusia atau dalam bahasa saintifiknya Entomophagy. Fokus penyelidikannya tentang kandungan protein yang terkandung dalam serangga yang bertujuan mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan.

"Konsep Entomophagy menekankan penggunaan serangga sebagai salah satu sumber makanan dan kita perlu tahu bahawa pemakanan serangga dapat menyumbang sumber protein kepada tubuh badan manusia dan penyelidikan selama beberapa tahun telah membuktikan khasiatnya", katanya lagi.

Protein adalah salah satu elemen dalam kumpulan nutrien yang terdiri daripada vitamin, lemak, mineral dan karbohidrat. Kumpulan nutrien ialah keperluan asas untuk tubuh manusia. Tambahan pula, protein diperlukan sebagai sumber tenaga dan elemen penting dalam pembentukan sel-sel baru untuk proses pertumbuhan. Protein biasanya didapati dalam semua organisme hidup, tidak kiralah dalam sel haiwan, serangga mahupun tumbuh-tumbuhan.

Selain itu, beliau turut menambah bahawa anai-anai, belalang dan cengkerik adalah antara serangga yang mengandungi protein yang sangat tinggi berbanding tilapia, udang dan lembu. Tambahan pula, anai-anai mengandungi tahap polyunsaturated fatty acids yang amat bagus untuk kesihatan manusia berbanding dengan saturated acid.

Menurutnya lagi, bagi setiap 10 gram bahan makanan, hanya satu kilogram daging yang boleh dihasilkan berbanding sembilan kilogram serangga.

Beliau berkata manusia masih tidak menyedari bahawa serangga sebenarnya mempunyai kandungan protein yang sangat tinggi berbanding haiwan lain seperti lembu ataupun ayam. Hampir 1,000 spesis serangga yang boleh dimakan seperti belalang, cengkerik dan anai-anai.

Di Malaysia, walaupun telah banyak penyelidikan yang dilakukan tentang khasiat pemakanan serangga, masyarakat masih mempunyai tanggapan yang negatif.

"Saya berasa pelik apabila sesetengah orang menganggap memakan belalang goreng satu perkara pelik tetapi kami sekeluarga suka akan makanan ini", tambahnya lagi.

Beliau turut menggesa orang ramai supaya berfikir secara serius bagi mengubah tanggapan umum iaitu pemakanan serangga satu perkara yang jijik dan kotor.

Memandangkan kesukaran mengubah tanggapan ini, para pengkaji menasihatkan supaya penerimaan kepada tabiat memakan serangga ini dilakukan secara beransur-ansur, di samping pengambilan makanan biasa.

Jika tabiat memakan serangga sesuatu yang pelik dan jijik di sesetengah negara, ia tidak begitu di negara-negara lain khususnya Asia. Bahkan ia menjadi tradisi turun-temurun. Demikian juga di sesetengah restoran di Eropah yang turut menyediakan hidangan serangga bagi orang yang mengetahui nilai dan khasiatnya.

Antara negara Asia yang mengamalkan budaya pemakanan serangga adalah China, Thailand, Kemboja dan Laos serta Korea Selatan. Di negara-negara ini, makanan berunsurkan serangga telah dikomersialkan serta mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat. Belalang, ulat sutera dan ulat sago merupakan antara serangga yang mendapat tempat di hati peminat makanan berkonsepkan serangga.

Ia bukanlah satu konsep yang baru kerana ia sudah lama diamalkan oleh masyarakat terdahulu terutama di Afrika, Amerika Selatan dan Asia. Namun, kecanggihan dunia masa kini telah menyebabkan golongan yang mengamalkan budaya makan serangga ini dianggap golongan primitif dan dikaitkan dengan isu kemiskinan.

"Sebenarnya untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap pemakanan serangga ini, kita perlu bermula sejak kanak-kanak agar pendedahan awal tentang Entomophagy agar ia dapat difahami dan dipraktikkan di peringkat kanak-kanak", jelas Prof Lee kepada Berita Kampus.

Selain itu, institusi pendidikan negara perlu memperkenalkan subjek yang berkaitan dengan bidang Entomophagy dan penyelidikan yang berkaitan perlu diteruskan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Sains dan Teknologi harus memberi perhatian yang sepatutnya agar ia dapat membuka mata banyak pihak tentang kepentingan serangga untuk masa hadapan.

Pada masa kini, serangga hanya dilihat sebagai hidupan kecil yang tidak mendatangkan sebarang kebaikan tetapi realitinya, perniagaan serangga dapat meningkatkan taraf hidup seseorang. Hal ini demikian kerana perniagaan serangga hanya memerlukan ruang yang minima dan tidak bersaing untuk dijadikan makanan manusia. Sesebuah keluarga juga boleh menternak serangga untuk dijadikan sumber makanan untuk mereka. Perkara ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan kos perbelanjaan untuk makanan.


Berdasarkan kenyataan FAO, dunia serangga boleh membuka pelbagai potensi yang bukan sahaja berbentuk pemakanan, tetapi ekonomi kepada manusia. Inilah yang mendorong agensi tersebut menyediakan satu kertas kerja bagi membangunkan sumber serangga di Asia.

Langkah ini diambil kerana mengambil kira amaran PBB bahawa jumlah penduduk dunia pada 2050 akan mencapai seramai 9.2 billion orang. Keadaan ini menuntut satu usaha harus dilakukan mulai sekarang bagi mencari sumber makanan alternatif.

> "Saya berasa pelik apabila sesetengah orang menganggap memakan belalang goreng satu perkara pelik tetapi kami sekeluarga suka akan makanan ini"

INFO

1. Mereka yang mempunyai alahan terhadap udang dan ketam tidak disarankan untuk makan serangga kerana akan menyebabkan berlakunya eczema, dermatitis dan sebagainya.
2. Rasa serangga boleh berubah mengikut cara ternakannya.
3. Sate belalang dan kerabu anai-anai merupakan antara jenis masakan menggunakan serangga yang terdapat di Malaysia.



GAMBAR RAJAH menunjukkan perbezaan per gram kandungan protein antara cengkerik dan lembu dalam hidupan dengan 100 gelen air. [Sumber Google Image]

Stickers Contest kukuhkan kesedaran terhadap penjimatan elektrik

Sukarelawan Kampus Sejahtera dengan kerjasama Centre For Education and Training in Renewable Energy, Energy Efficiency & Green Technology (CEETREE & GT) menganjurkan Stickers Contest dalam usaha untuk melahirkan kesedaran tentang penjimatan eletrik dalam kalangan siswa-siswi Universiti Sains Malysia (USM).

Menurut Pengerusi Sukarelawan Kampus Sejahtera, Wee Soon Kit pertandingan mencipta logo ini terbuka kepada semua siswa-siswi USM berdasarkan kepada syarat-syarat tertentu.

Tambah beliau, siswa-siswi harus memilih salah satu tema yang telah disediakan dan pemilihan pemenang tidak hanya berlandaskan penghasilan logo sahaja, malah aspek penyampaian maklumat secara efektif dan berupaya melahirkan kesedaran tentang penjimatan elektik secara kolektif.

Siswa-siswi juga perlu meletakkan logo USM, APEX, Kampus Sejahtera, dan juga CEETREE dalam 'sticker' yang dihasilkan. Peserta individu dihadkan untuk menghantar satu penyertaan sahaja dalam bentuk A7.

Beliau berkata, pemenang akan dinilai oleh CEETREE serta Sukarelawan Kampus Sejahtera malah berpeluang memenangi wang tunai sebanyak RM200 bagi setiap tema iaitu, Use Natural Daylight, Switch Off Before You Leave, dan Sleep Your Gadget.

"Pemenang juga akan memperolehi mata MyCSD dan logo ciptaan mereka akan digunakan disekitar kampus terutamanya di desasiswa untuk mengawal pembaziran elektrik dalam kalangan warga kampus", ujar beliau.

"Selain itu, pertandingan sebegini juga menjadi platform kepada siswa-siswi untuk mempamerkan bakat, kemahiran dan pemikiran kreatif secara holistik", kata beliau.

Hasil rekaan logo boleh dihantar ke naddy_leories04@yahoo.com. Tarikh penyertaan masih dibuka sehingga 17 Oktober 2014.

Speaker Corner pupuk kelestarian universiti



SEMANGAT Tiga ahli kluster membuat pengucapan awam mengenai kepentingan biodiversiti supaya kekal hijau dan bersih kepada pengunjung Kafe Tekun sementara ahli kluster yang lain memberi sokongan.

Oleh **NORSYAFIQAH ZAMAL ISHAK**

Pengucapan awan mengenai biodiversiti dilakukan ahli kluster Speaker Corner di Kafe Tekun baru-baru ini berlangsung selama setengah jam.

Pengerusi Kesukarelawan Kampus Sejahtera, Wee Soon Kit, berkata Speaker Corner bertujuan mengasah bakat siswa-siswi terutama tahun pertama supaya yakin, berani, dan berilmu apabila bercakap mengenai agenda kelestarian universiti.

Speaker Corner akan dilakukan setiap minggu pada Selasa pukul 1 tengah hari hingga 2 petang di kafe desasiswa yang berlainan. Kafe Tekun menjadi lokasi kedua selepas Kafe Restu dan Saujana.

"Lokasi seterusnya akan diadakan di Kafe Indah Kembara pada 30 September, Aman Damai pada 7 Oktober, Fajar Harapan pada 14 Oktober, Bakti Permai pada 21 Oktober dan Cahaya Gemilang pada 28 Oktober", tambahnya lagi,

"Setiap minggu tiga ahli yang berbeza daripada kluster zero waster, agrotechture, kecekapan tenaga, kelestarian air, dan kesihatan akan membuat pengucapan awam mengenai kampus sejahtera", jelasnya lagi.

Speaker Corner ialah inisiatif untuk mengupayakan siswa-siswi ke arah kelestarian kampus melalui pengucapan awan selain satu usaha untuk menzahirkan sebuah universiti agar memimpin kelestarian.

Etika perlu untuk kelestarian PKS

Syarahan umum Profesor Dato' Dr Ishak Ismail telah diadakan pada 3 Oktober lalu dengan tajuk Kepimpinan Beretika ke Arah Kelestarian Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Syarahan di Dewan Kuliah A, Universiti Sains Malaysia (USM) tersebut turut dihadiri Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USM, Profesor Dato' Dr Ahmad Shukri Mustapa Kamal dan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USM, Profesor Dato' Dr Muhamad Jantan.

Syarahan ini memberi penumpuan terhadap etika terutamanya dalam PKS supaya terus kekal. Mengenal pasti dan memberi maksud sebenar kepada perniagaan, integriti, kejujuran, keterbukaan, hormat, keadilan dan tanggungjawab adalah antara langkah untuk merangsang dan melaksanakan etika.

Ranee Lo Tamilselvam, Pengurusan 3 berkata syarahan ini sangat berguna untuknya dan akan diaplikasi pada masa hadapan.

Syarahan Profesor Dato' Dr Ishak Ismail mendapat sambutan daripada ramai pihak termasuk siswa-siswi. Sebagai seorang pendidik yang berpengalaman selama 31 tahun, beliau sangat disenangi oleh siswa-siswi. Salah seorang siswa menyifatkan beliau sebagai seorang datuk kerana sifat beliau yang penyayang.

Profesor Dato' Dr Ishak Ismail ialah bekas dekan Pusat Pengajian Pengurusan dan telah banyak menghasilkan karya sama ada peringkat nasional atau antarabangsa. Beliau turut memenangi anugerah Asia's Best B-School dalam kategori Profesor Terbaik dalam Pengurusan.

Bersolek tingkatkan keyakinan diri


TUTORIAL Selepas siswi diajar untuk bersolek, mereka diberikan masa untuk melakukan solekan sendiri dengan bantuan peserta yang lain.

Pengurusan diri sangat penting dalam menempuh kehidupan di universiti dan dunia pekerjaan supaya kita dapat membina persepsi yang baik dalam kalangan masyarakat. Selaras dengan itu, Bengkel Solekan Asas untuk Keyakinan Diri telah diadakan pada 20 dan 27 September di Pusat Penempatan Graduan oleh USM.

Menurut, Presiden Mentor Rakan Siswa (MRS), Norsyazana Ahmad Zamree, bengkel ini diadakan untuk melahirkan siswi yang lebih berketerampilan, tinggi keyakinan diri, berintegriti dan berdaya saing. Solekan sangat penting bagi wanita dan disebabkan itu bengkel ini diadakan khas untuk siswi.

"Ini ialah bengkel kedua diadakan bagi semester ini kerana permintaan yang tinggi dalam kalangan siswi. Kami tidak menjangkakan sambutan yang amat menggalakkan terutamanya permintaan siswi untuk menganjurkan semula bengkel ini atas faktor kebanyakan siswi tahun pertama terlibat dengan Program PIMPIN Siswa," tambahnya.

Tenaga pengajar bengkel, Liyana Ali ialah siswi USM yang telah mendapat kelayakan daripada Institut Kemahiran MARA (IKM) untuk mengajar bidang solekan. Bengkel ini mengajar siswi cara solekan yang betul, memilih solekan yang sesuai untuk sesuatu majlis dan penggunaan produk kecantikan yang bersesuaian dengan tona kulit.

Menurut, Sharon Foo She Min, Komunikasi 1, bengkel ini sangat membantu dirinya untuk belajar mengenai solekan supaya lebih berkeyakinan untuk melakukan pembentangan dan melangkah ke dunia pekerjaan.

"Saya tidak tahu bagaimana untuk melakukan solekan dengan baik. Apabila saya melihat poster bengkel ini di Facebook, saya terus terdorong untuk menyertai bengkel solekan ini supaya saya dapat belajar bersolek dan dapat meningkatkan keyakinan diri saya," katanya.

Peluang belajar Mandarin

Persatuan Bahasa Tiong Hua Universiti Sains Malaysia, telah membuka peluang kepada siswa-siswi yang ingin mempelajari bahasa Mandarin dengan mengadakan kelas bahasa Mandarin.

Menurut Pengarah Projek Tan Kae Horng , kelas bahasa Mandarin ini diadakan bagi memberi peluang kepada siswa-siswi yang berbangsa lain untuk mempelajari bahasa Mandarin. Selain itu, dia berharap agar kelas ini dapat meningkatkan pengusaan bahasa Mandarin.

Yuran yang dikenakan hanya sebanyak RM15 untuk satu semester dan siswa-siswi dapat mempelajari asas bahasa Mandarin seperti membaca dan menulis. Kelas mandarin yang telah diadakan pada sidang lepas mendapat sambutan hangat dari siwa-siswi USM.

Seramai 100 lebih penyertaan dan kebanyakan mereka menunjukkan prestasi yang baik. Siswa-siswi juga akan diberi sijil pada akhir pembelajaran mereka nanti. Kepada siswa-siswi yang berminat untuk mempelajari bahasa Mandarin pada sidang ini boleh membuat pendaftaran pada 7 Oktober di DK U Foyer. Bermula pada jam 8 malam sehingga 10 malam. Kelas akan diadakan pada setiap hari Selasa malam.

Sembahyang hajat eratkan silaturahim

Memohon restu sebagai berkat permulaan kegiatan bagi sepanjang semester oleh Persatuan Kebudayaan India (PKI), Universiti Sains Malaysia (USM), diteruskan lagi pada sidang kali ini. Program Sembahyang Hajat yang dilaksanakan oleh PKI pada 23 September 2014 di Kuil Taneer Malai, berjaya mendapat sambutan dan galakan daripada siswa-siswi baru.

"Program yang dijalankan awal semester ini adalah satu upacara bagi memohon restu Tuhan agar segala aktiviti yang bakal berlangsung pada masa akan datang dapat dijalankan dengan baik. Selain itu, program ini juga dapat mengeratkan silaturahim dan mewujudkan jaringan integrasi antara siswa-siswi baru dan ahli PKI yang lama", kata Pengarah Projek, Mageswary Raja.

Menurut Arvindkarthik Neelamagan, Sains Kimia 1, program sembahyang hajat ini menjadi satu platform yang terbaik bagi memberi pendedahan awal kepada siswa-siswi baru untuk lebih mengenali PKI yang merupakan satu-satunya persatuan yang mewakili siswa-siswi India di USM.

"Program ini telah bermula pukul 6 petang di mana semua siswa-siswa bergerak ke kuil dan tiba semula ke USM dalam pukul 11 malam. Program ini berjaya mencapai objektif utamanya iaitu mewujudkan satu interaksi yang baik dalam kalangan siswa-siswi baru dan lama. Sokongan yang baik daripada siswa-siswi tahun 2, 3 dan 4 telah menjayakan program", tambah Mageswary.

Mantapkan bahasa Inggeris, tingkatkan pengetahuan am melalui debat

Pengenalan dan pendaftaran kelab debat, The Late Night Supper Club yang berlangsung pada 26 September di Dewan Kuliah N, Universiti Sains Malaysia (USM) bermula jam 8 hingga 10 malam mendapat sambutan yang baik daripada siswa-siswi USM.

"Kelab debat bahasa Inggeris ini mula mendapat tumpuan setelah diambil alih oleh siswa-siswi pasca siswazah sejak tahun lalu. Penglibatan dan usaha siswa-siswi pasca siswazah dapat hasil yang memuaskan apabila lebih ramai ahli yang mula mendaftar dalam kelab ini", kata Pengerusi The Late Night Supper Club, Qiah Song Ern.

Menurut pelatih The Late Night Supper Club, Fer Lynne 4, siswa-siswi yang menjadi ahli baru dalam kelab ini diberikan pendedahan tentang asas dan peraturan debat. Selain itu, mereka juga dilatih untuk membahaskan isu-isu terkini, agak dapat membentuk idea bernas dalam debat. Selain pelatih yang terdiri daripada siswa-siswa USM, kelab ini juga mempunyai pelatih dari luar untuk membimbing siswa-siswi cara berdebat yang lebih sesuai.

"Siswa-siswi yang berminat dan semangat untuk mengambil bahagian dalam debat bahasa Inggeris digalakkkan menjadi ahli kelab ini. Berfikiran terbuka dan keinginan untuk belajar berbahas dalam bahasa Inggeris adalah kriteria utama untuk menjadi ahli The Late Night Supper Club", tambah Qiah Song Ern.

Berita Kampus seterusnya akan diterbitkan pada Isnin, 27 Oktober 2014. Sila dapatkan naskah pada hari tersebut. Terima kasih.

Pameran cetakan intaglio

Pusat Pengajian Seni telah mengadakan 27 Printmaking Showcase di Galeri Adiwarna bermula dari 22 September hingga 4 Oktober.

Menurut kurator, Hoe Wei Yin pameran ini bagi mendedahkan siswa-siswi tahun akhir Pusat Pengajian Seni daripada rancangan Seni Halus dengan pengalaman mempamerkan hasil seni cetak yang telah dihasilkan.

"Tujuan utama adalah untuk memberi peluang kepada siswa-siswi seni untuk mendedahkan diri mereka, menimba pengalaman dalam pameran seni dan untuk mempromosikan hasil seni cetak", ujarnya.

Cetakan intaglio atau teknik cetakan gurisan asid ialah corak gurisan yang dihasilkan di atas permukaan logam yang telah disapu dengan sejenis bahan yang kalis asid. Gurisan yang dihasilkan haruslah menggunakan jarum etching sahaja dan sejenis mesin khas digunakan untuk mendapatkan cetakan gurisan ini.

Menurut Norita Mokhtar, Seni 3 pameran ini menunjukkan semangat dan kesungguhan siswa-siswi tahun akhir seni bagi mendedahkan keunikan seni cetak.

"Kami ingin mendedahkan kepada siswa-siswi mengenai keunikan seni cetak melalui pameran ini yang dihasilkan mengikut inovasi pengkarya", katanya.

Pameran ini melibatkan 28 pelajar Seni yang telah menghasilkan sebanyak 80 karya cetakan dengan bimbingan daripada Profesor Madya A.Rahman, selaku tenaga pengajar.

A musical afternoon at the Piano Trio concert



Concert musicians (from left) Jason, Lai, Grace and Yap entertained audiences with classical and improvised pieces at Dewan Budaya.

Oleh **DEBRA WONG SER LIN**

Universiti Sains Malaysia (USM) students and members of the public were treated to an evening of classical and modern hits by four distinguished musicians at Dewan Budaya, USM on the 21st of September 2014.

The event, which was held from 3.30pm to 5.30pm, featured three members of the Malaysian "Three-in-1 Trio", which were Yap Ling (Violin), Grace Lee Sui Lin (Piano) and Lai Kong Loke (Cello), as well as Jason Tye Kong Chiang, a senior lecturer at School of The Arts, USM, who played the piano.

The performance commenced with a string duet by Yap and Lai, which consisted of two classical pieces, Passacaglia in G Minor and Handel's Suite No. 7. According to Yap, who introduced the first song, the duet was an 'appetizer' to the later, heavier pieces featured in the concert.

The meat of the concert came in two classical Piano Trio in D minor, composed by French pianist Gabriel Faure, and Fantasiestucke, Op. 88, composed by Robert Schumann. Both songs featured multiple musical movements, complex harmonies, as well as different musical textures and colours.

Besides the classical pieces of music in the concert repertoire, the musicians further entertained the audience in between performing their classical pieces with two additional impromptu songs – Wa M Chai La, which means "I Don't Know Lah" in Hokkien, as well as an interpretation of melancholic Taiwanese folk melody, Nan Du Ye Qu.

When asked how he felt about the performance, Yap said that he enjoyed all the pieces that they played for the concert. "Asking me which (song) is better is like comparing breakfast with dinner," yap added. Grace, who is also Yap's wife, found the audience for the concert varied and interesting. "For instance, there were many young children, and they were quiet throughout the concert, so I think they enjoyed it," she said.

Lai, who hails from Penang, found the opening piece his favorite. "The piece was technically challenging, but it was not bad." All three performers were equally pleased with the concert and look forward to performing in USM in the future. "The venue for the concert this year was much better and more conducive for the concert than it was when we performed in USM last year," said Grace.

The Project Director of the concert, Dr. Yumi Yoshioka, who is a senior lecturer for the Music Department at School Of the Arts, USM, felt that response for the concert was good, considering that it was a classical concert. "About 100 people from all ages, from within and outside USM, came for the concert. It's been a while since we've had such music events in USM," adding that it was amazing, considering that the event was only publicised about 2 weeks ago.

Audience member Joanna Scott felt that the Piano Trio was a little heavy.

"People who don't have a musical background might not be able to appreciate it as much as those who do," she said.

Having said that, she enjoyed the overall performance and liked the first song and the two impromptu compositions the most.

As for Chiong Ching Ying, Music 3, the first song showcased good musical chemistry between the violin and cello, whereas for the Piano Trio, the piano part stood out. "The violin and cello also did a good job in accompanying the piano for the Piano Trio," she added.

The Three-in-One Trio performs in Penang, Kuala Lumpur and Kota Kinabalu.

Masjid Al-Malik Khalid USM berwajah baharu

Oleh **MOHAMAD HAFIZ ADISMAN**

Masjid Al-Malik Khalid USM Universiti Sains Malaysia (USM) telah siap sepenuhnya dan mula beroperasi setelah melalui tempoh pengubahsuaian dan naik taraf selama empat bulan.

Timbalan Pengarah Pusat Islam USM, Md Yusof Abdul Rahim berkata projek ini ialah inisiatif Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman, dan Pengarah Pusat Islam USM, Profesor Dato' Dr Muhammad Idiris Salleh.

Menurut Yusof, proses pengubahsuaian bagi masjid yang telah berkhidmat selama tiga dekad lebih ini telah melalui fasa ketiga yang menumpukan keselesaan dan penyerian masjid. Fasa pertama dan kedua pula menumpukan proses pembesaran masjid.

"Menjelang sepuluh Ramadhan terakhir yang lalu ruang solat utama telah dibuka untuk kegunaan para jemaah", jelasnya kepada Berita Kampus.

"Kita mengharapkan agar dengan pengubahsuaian ini mampu memberikan keselesaan dan keceriaan kepada para jemaah untuk melakukan ibadat dan aktiviti seharian", kata Yusof lagi.

Ketua Jurutera Awam, Jabatan Pembangunan USM, Mohd. Nizam Mohd. Razak berkata terdapat banyak pengubahsuaian dan pembaharuan di ruang solat utama seperti penggunaan pendingin hawa sepenuhnya, ruang mihrab dibesarkan, sistem siaraya dan audio visual, sistem pendawaian elektrik, karpet dan siling baharu. Malah, tandas dan bilik wuduk juga telah dinaiktaraf untuk keselesaan dan kemudahan para jemaah.

"Kos projek ini ialah RM3.6 juta membabitkan tempoh masa pengubahsuaian dan naik taraf selama empat bulan", ujar juruukur Bahan, Jabatan Pembangunan USM, Mokhrizan Ahmad Jeni.



Menarik…keadaan ruang solat utama kelihatan lebih luas dan kemas

Hari interaksi HAAK dapat pujian

Program Hari Interaksi Himpunan Anak-anak Kelantan (HAAK) yang dijalankan di Bukit Bendera dan Batu Feringgi baru-baru ini mendapat pujian daripada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Pengarah Projek, Muhammad Amir Fikri Muhammad Hudzman, kegiatan HAAK di Batu Feringgi turut mendapat pujian daripada pelancong asing di sini. Mereka begitu tertarik melihat kegiatan yang dijalankan oleh HAAK dan teruja dengan sorakan ahli kumpulan semasa kegiatan ini dijalankan.

"Semasa di Batu Feringgi terdapat beberapa pelancong asing yang sempat bertanya kepada saya mengenai kegiatan yang kami jalankan khususnya berlari dalam kain sarong. Permainan ini memerlukan 2 orang untuk berlari dengan tangannya di atas kepala tanpa memegang kain tersebut. Apabila saya menjelaskan permainan ini sekadar untuk mengeratkan lagi hubungan antara siswa-siswi USM, mereka memuji mengatakan permainan ini adalah sesuatu yang sangat menarik", katanya.

"Tahun sebelum ini, saya melihat siswa-siswi mudah berasa bosan dan penat dengan kegiatan yang dijalankan. Tetapi, kali ini siswa-siswi kelihatan lebih bersemangat dan ceria apabila majlis tertinggi dan exco-exco HAAK turut sama dalam kegiatan yang dijalankan. Di sini wujudnya interaksi yang lebih antara siswa-siswi dan lama-kelamaan mereka berasa lebih selesa dan mula berkongsi cerita mengenai kesukaran mereka di alam universiti", jelasnya lagi ketika ditemui di malam penutupan program Hari Interaksi HAAK.

Muhamad Syakir Mohd Zin, Kejuteraan Mekanikal 4, berkata kegiatan yang dijalankan oleh HAAK sangat menarik apabila beliau dapat melihat keakraban antara siswa-siswi dan kerjasama antara pasukan.

"Pada mulanya saya menjangkakan kegiatan seperti ini membosankan tetapi apabila saya sendiri mengikutinya pada hari ini ianya bercorak sangat santai dan menyeronokkan. Terdapat juga peserta dari negeri lain iaitu Johor yang mengikuti program Hari Interaksi HAAK ini. Mereka tidak terasa terpinggir walaupun berlainan negeri malah, mereka memberikan komen yang baik diakhir permainan", katanya.

"Saya berharap agar program seperti ini diteruskan lagi di masa hadapan. Hal ini demikian kerana terdapat siswa-siswi yang masih lagi kurangnya pergaulan dan kelihatan sukar untuk bergaul. Tetapi dengan aktiviti seperti ini, saya gembira kerana dapat melihat adanya interaksi sesama mereka", jelasnya kepada wartawan Berita Kampus.



GEMBIRA
Ahli-ahli HAAK bergambar bersama Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal dan Pembangunan Pelajar) USM, Profesor Dr Adnan Hussein pada Hari Interaksi.

SURAT PEMBACA boleh dihantar ke [bkusm11@yahoo.com] atau ke Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi. Berita Kampus akan menyunting surat untuk tujuan kelancaran bahasa. Terima kasih.

Siswa-siswi dekati konsep kelestarian

Hari Interaksi Swing to Link anjuran Pusat Pengajian Pengurusan telah memberi peluang kepada siswa-siswi tahun pertama serta pensyarah untuk mengenali warga pusat pengajian secara lebih dekat.

Pengarah Projek Hari Interaksi, Simranjit Kaur berkata program ini juga menjadi platform kepada siswa-siwi tahun pertama untuk meningkatkan kesedaraan terhadap isu alam sekitar.

Menurut beliau, aktiviti gotong-royong dalam program ini juga telah memimpin ke arah penerapan konsep kelestarian serta membina kerjasama dan semangat berpasukan. Selain itu, program ini juga mendedahkan semangat cintakan alam sekitar dan menekankan aspek kelestarian dalam kalangan siswa-siswi.

"Siswa-siswi dipilih secara rawak supaya teras perpaduan dapat dikekalkan dalam kalangan warga kampus", ujarnya.

Tambah beliau, mereka ditugaskan kepada lima lokasi yang berbeza mengikut kumpulan bagi memudahkan proses pembersihan dalam skala besar serta waktu yang agak terhad.

Beliau berharap agar program ini dapat membantu melahirkan siswa-siswi yang bertanggungjawab dalam menyokong usaha Universiti Sains Malaysia (USM) ke arah kelestarian

Tinjauan *Berita Kampus* mendapati, siswa-siswi Pusat Pengajian Pengurusan memberi komitmen yang tinggi untuk membersihkan kawasan sekitar Kampus Induk Universiti Sains Malaysia (USM) sekaligus menjayakan matlamat asal program ini.



Siswa-siswi dipilih secara rawak supaya teras perpaduan dapat dikekalkan dalam kalangan warga kampus



Pelapis usahawan Kelab Myagrosis USM

Oleh **NABILAHAISAH TAWANG**

Kelab Myagrosis UniversitiSains Malaysia (USM) telah menjalankan sesi temuduga dalam mencari pembantu exco kelab tersebut. Pencarian tersebut melibatkan siswa-siswi yang memiliki minat dalam pertanian dan keusahawanan bermula jam 8 sehingga jam 10 malam di K-Shoppe RST pada 23 hingga 24 September yang lalu.

Yang DiPertua Kelab Myagrosis, Nordiayana Yahya berkata, temuduga tersebut diadakan bagi menarik ahli baru ke dalam bidang ini. K-Shoppe dan Rumah Cendawan adalah projek utama Kelab Myagrosis yang mana 10 orang untuk K-Shoppe dan 15 orang yang akan membuat kerja-kerja melibatkan Rumah Cendawan. Seramai 50 orang yang hadir pada hari pertama temuduga menunjukkan satu sambutan yang menggalakkan.

"Kelab ini ditubuhkan pada 12 Febuari 2012 yang mana mempunyai objektif untuk melahirkan graduan menceburi dalam bidang pertanian dan keusahawanan. Kelab ini juga ada kerjasama daripada AgroBank dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)", katanya lagi.

Menurut Naib Yang DiPertua, Nur Fatihah AB Rahim, Kelab Myagrosis telah memasuki peringkat akhir dalam pertandingan Usahawan Inovasi Piala Menteri Pendidikan Malaysia 2014 (Business Pitching).

Hanif Iywan Ahmad Shukri, Sains Kemasyarakatan 1, berkata, "kelab sebegini amat bagus didedahkan kepada siswa-siswi dalam menerapkan ilmu tentang agrosis. Objektif yang dipaparkan di dalam kelab ini juga amat bersesuaian dengan minat saya dan banyak manfaat daripadanya".

Jati diri perlu dipupuk dalam kalangan siswa-siswi

Siswa-siswi kini mudah terjebak dengan gejala negatif seperti seks bebas, penagihan dadah dan merokok. Perkara ini amat membimbangkan masyarakat dalam melahirkan pemimpin yang berwibawa di masa hadapan.

"Gejala negatif ini berlaku disebabkan kecanggihan teknologi tanpa sempadan, kurang didikan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, dan pilihan individu itu sendiri", kata pelakon terkenal, Yatt Hamzah yang hadir dalam ceramah Sayangi Dunia Remajamu.

Ceramah Sayangi Dunia Remajamu, Sembang santai bersama Yatt Hamzah anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sahabat Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah berlangsung di Kompleks Cahaya 1 pada 23 September lepas.

"Siswa-siswi perlulah mempunyai prinsip hidup dan jati diri bagi mengelakkan diri daripada mudah terjebak dengan gejala-gejala negatif. Sebagai siswa-siswi, kita sepatutnya dapat membezakan perkara yang baik dan buruk sebelum melakukan perkara", kata Pengerusi Sahabat Yadim Universiti Sains Malaysia (USM), Nazurah Mohd Noh.

Menurutnya lagi, siswa-siswi seharusnya bersikap lebih matang dalam membuat sesuatu keputusan. Sekiranya mengalami masalah, janganlah mengambil jalan mudah untuk selesaikan masalah seperti bunuh diri.

Tekanan dalam pelajaran adalah perkara biasa yang perlu dihadapi oleh siswa-siswi. Rokok dan dadah bukanlah cara untuk menghilangkan tekanan, malah menambah lagi masalah kepada individu itu sendiri. Siswa-siswi perlulah bijak memanfaatkan sepenuhnya kehidupan di universiti dengan mengikuti program-program yang dianjurkan", tambahnya lagi kepada Berita Kampus.

Kor SUKSIS USM ambil ahli baru

Kor Sukarelawan Polis Siswa/ Siswi (Kor SUKSIS) Universiti Sains Malaysia (USM) membuat pengambilan anggota baru bagi sesi 2014/2015 bertempat di Dewan Kembara 2, Desasiswa Indah Kembara.

Dalam sesi temuduga yang dijalankan di Dewan Kembara 2 seramai 152 siswa-siswi USM hadir. Sebelum siswa-siswi menghadiri temuduga pelbagai kriteria kelayakan yang harus mereka layak ketika pendaftaran sama seperti pengambilan anggota polis biasa.

Menurut ASP Abdul Ghani Mohammad Ali, Kor SUKSIS ialah sebuah badan beruniform polis bagi siswa-siwi di universiti tempatan Malaysia. Siswa-siswi yang menyertai Kor SUKSIS akan diberi status kadet dan diwajibkan menjalani tiga tahun latihan di universiti sebelum digelar sebagai inspektor Kor SUKSIS. Setiap inspektor SUKSIS yang telah tamat latihan diberi keutamaan untuk menyertai pasukan beruniform Polis Diraja Malaysia selepas bergraduat dari universiti.



Siswa-siswi baru USM hadir pada sesi temuduga pengambilan ahli baru oleh KOR SUKSIS USM

Turut hadir pada temuduga pengambilan anggota baru Kor SUKSIS USM ialah Ketua Jabatan Pengurusan Pulau Pinang, ACP Che Hussain Che Omar. Ajutan Kor SUKSIS USM, Dr. Mohd Adi Firdaus Tan Abdullah. Pegawai Penyelaras Kor SUKSIS USM, ASP Abdul Ghani Mohammad Ali. Wakil JP JKK Bukit Aman, ASP Zainuddin Zain dan Pegawai Latihan (II) Kor SUKSIS USM, Insp. Ganesh Murugayiah.

SRN pencetus kesedaran Rukun Negara

Sekretariat Rukun Negara Universiti Sains Malaysia (SRN USM) ialah mekanisme kepada kerajaan di peringkat Institut pengajian Tinggi (IPT) untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan siswa-siswi terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara.

"SRN ialah antara persatuan yang aktif di dalam USM di mana kebanyakan program yang dilaksanakan adalah untuk menerapkan pemahaman dan perpaduan tentang Rukun Negara sama ada program berbentuk seminar, kem ataupun debat", kata Pengerusi SRN sidang 2014/2015, Mohd Shafrul Mohd Suffian.

Menurut Shafrul, banyak program yang telah dilaksanakan pada sidang lepas antaranya Lingkaran Muhibbah Orang Asli dan Program Eksplorasi Sukan Rakyat 2013 yang telah memenangi Anugerah Projek Impak Tertinggi pada Majlis Anugerah Sanggar Sanjung Siswa 2014.

"Pada tahun ini SRN akan merangka satu lagi program mega iaitu Perkampungan Sinar Perpaduan yang bakal disertai oleh seluruh IPT yang mempunyai SRN", jelasnya ketika ditemui di pencarian Penolong Exco SRN sidang 2014/2015.

Nurul Shakina Alimuddin, Pengurusan 2, berkata dia berminat untuk menyertai temuduga kali ini kerana pernah menyertai program anjuran SRN dan ingin menimba pengalaman baru.

Enactus USM receives students' good response

The introduction night of Enactus Universiti Sains Malaysia (USM) received good response from 300 USM students at Dewan Pembangunan Siswa I (DPS1) on 30 September.

Project Director of the programme, Chu Wen Sen, was satisfied with the good response among USM students from different races, especially when there were other events happening at the same time.

"Enactus USM is an entrepreneur club which is under USM Department of Student Affairs Development," said the President of Enactus USM, Koo Wai Heng in his welcoming note.

According to Enactus USM exco, Rabiatul Adawiyah Shamsuddin, Enactus aims to improve livelihood of the needy and make the community grows. She also pointed out that Enactus helps the needy by providing training and motivation to them.



Students showing their *origami* fold of Enactus logo at the end of the event.

Enactus USM will have fund raising projects by providing food delivery service in USM and having a food stall during USM Convocation Expo in November.

The introduction night was attended by the Assistant Registrar of Entrepreneurship Development, Miss Puteri Salamah Abdul Aziz and an alumni of Enactus USM, Loh Kuan Hun. Youths Today was the event partner for the introduction night.

More shock than scare



FILM Annabelle
DIRECTOR John R. Leonetti
GENRE Horror, Supernatural
CAST Annabelle Wallis, Ward Horton, Alfre Woodard, Eric Ladin, Tony Amendola
REVIEWED BY Debra Wong Ser Lin

After the massive box office success of last years' The Conjuring, it is only natural when movie goers develop high expectations for Annabelle, a prequel that attempts to tell how the porcelain doll that appeared in The Conjuring acquired its demonic nature.

Annabelle, the demonic doll, is real. Discovered by two nursing students in the United States, she is currently locked up in a safe case in an occult museum owned by Ed and Lorraine Warren, two of the most famous paranormal experts in the world. Annabelle, the movie, is then the Hollywood attempt of how Annabelle the doll came to be.

The film centers on a young married couple, John (Ward Horton) and his pregnant wife, Mia (Annabelle Wallis) in the 1960s. John buys Mia a vintage doll wearing a white wedding dress as a gift for her and her unborn child. Mia, who is a vintage doll collector, gladly accepts the gift and puts it on a shelf in what is to be her baby's nursery.

However, chaos erupts in the home when John and Mia are attacked by their neighbors' estranged teenage daughter, Annabelle Higgins, along with her boyfriend and other members of a satanic cult. The cult, who targets John and Mia after they murder Annabelle's parents, attacks them to conjure up something evil.

When the police arrive just in time to save John and Mia, they find Annabelle dead, apparently after committing suicide, carrying the porcelain doll in her arms, with her blood sprinkled all over the doll. From that day onwards, John, Mia, and their baby daughter, Leah's lives will never be the same again. Can the family be safe?

To its credit, one cannot doze off while watching Annabelle – it delivers enough shock value to keep you at the edge of your seat. Home appliances turn on by themselves, doors close behind characters and can't be opened again, and Annabelle levitates and runs towards characters, mostly Mia, in instances that are sudden enough to make your heart skip a beat.


The context of the movie is for the most part accurate, albeit rather stereotypical. Doors are still not locked, John and Mia are still a traditional sort of family (he's a doctor while she sews at home), and there are references to the Manson family, a famous cult leader in the sixties.

Elements of horror movies in general, however, felt exaggerated and overused in Annabelle. Appliances coming alive on their own? Check. Unbelieving husbands? Check. Religious elements which include repeated mention of the devil and demons? Check. Even Annabelle the doll is too ugly to be believable – the real Annabelle was just a normal doll that American girls in the sixties owned.

The movie's direction had a lot of potential, but overall, Annabelle relied a little too much on jump scares and creepy sounds rather than a truly compelling and dark storyline, as well as characters that viewers could relate to. Certain elements of the movie seem to appear, or happen, with little to no explanation, including the climax of the movie that ended rather abruptly.

Annabelle will keep you awake for the 98 minutes of its runtime, but if you are a true horror movie enthusiast, you might want to give it a pass.

Misteri yang seram percaturan penulis



JUDUL Gantung
GENRE Seram/ Remaja
PENULIS Nadia Khan
DIULAS OLEH Nur Emira Saizali

Nadia Khan bukan lagi nama asing dalam kalangan peminat buku terbitan Fixi yang banyak mengetengahkan karya-karya anak muda tempatan. Beliau antara penulis muda yang karyanya mula mendapat tempat di hati pembaca buku keluaran tempatan. Penulisannya yang segar dan santai adalah faktor utama karyanya diminati ramai. Kini Nadia kembali dengan karya terbaru iaitu *Gantung*. Tidak mempunyai banyak perbezaan dengan novel pertamanya *Kelabu, Gantung* masih mengekalkan identiti penulisannya yang banyak mengetengahkan isu dan situasi yang dekat dengan jiwa remaja pada masa kini. Selain itu, *Gantung* boleh diklasifikasikan sebagai novel bergenre seram. Novel ini setebal 293 halaman dan mempunyai 44 bab.

Tidak dinafikan, kekuatan sebenar penulisan Nadia terletak pada kebolehan beliau iaitu bijak mencerna dan menghasilkan watak-watak yang bersifat bersahaja. Walaupun masih terdapat beberapa watak yang tidak mengalami sebarang perkembangan yang baik dari segi emosi, fizikal dan sebagainya, tetapi ia masih meninggalkan kesan di minda pembaca.

Jika diteliti, hampir 70% daripada keseluruhan teks dalam novel *Gantung* ini menggunakan dialog. Ia adalah salah satu teknik yang digunakan oleh Nadia untuk membantu pergerakan plot cerita. Beliau tidak perlu menjadi seorang penulis yang terlalu menggambarkan, menghuraikan latar tempat dan masa agar pengisiannya dapat membantu pemahaman pembaca, tetapi hanya dengan lontaran-lontaran dialog yang terdapat dalam novel ini sahaja, pembaca sudah boleh membayangkan situasi yang dihadapi oleh watak. Hal ini jelas menunjukkan beliau mampu menggerakkan plot dengan berjaya sekali. Ia satu kelebihan penulis yang dapat dilihat dengan jelas.

Gantung berkisarkan empat remaja sekolah iaitu Gibbs, Ray, KJ dan Troll yang bersekolah di sebuah sekolah elit, Sekolah Menengah Cemerlang Gemilang Terbilang. Empat orang sahabat ini menjalani kehidupan sebagai pelajar berlandaskan prinsip Musketeer Code, iaitu satu peraturan. Peraturan yang dicipta ini tidak membenarkan sesiapa antara mereka mempunyai kekasih yang tetap dan setiap perempuan yang didampingi oleh mereka harus secara literalnya dikongsi bersama. Namun sesuatu telah terjadi sehingga menyebabkan peraturan tersebut dilanggar oleh salah seorang daripada mereka dan seorang gadis psiko bernama Deepa yang muncul dalam kehidupan empat sahabat. Satu persatu perkara pelik berlaku selepas kemunculan Deepa sehingga mencetuskan tragedi yang menghantui kehidupan mereka semua. Adakah benar Deepa adalah punca kepada semua misteri yang berlaku dan apakah tragedi yang bakal menghantui keempat-empat sahabat ini? Dapatkan karya Nadia ini di kedai berhampiran untuk mengetahui pengakhiran cerita yang tidak diduga dan melihat bagaimana novel ini dapat memberikan kesan psikologi kepada para pembaca.

Pemilihan penyelaras Pesta Hoki mendapat sambutan hangat

Pemilihan penyelaras Pesta Hoki-USM Penang International 2014 telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Pengarah Projek, Liew Jia Yin, penglibatan siswa-siswi dalam program yang bertaraf antarabangsa dapat memberi pendedahan kepada pengalaman bekerja di bawah tekanan, ruang untuk menimba pengalaman dan juga meningkatkan kecekapan menguruskan masa.

"Sesi pemilihan kali ini meliputi 15 bahagian dan penyertaan hanya terhad kepada 200 sahaja", ujarnya ketika ditemui oleh Berita Kampus semasa pemilihan penyelaras Pesta Hoki ke-41.

Tambah beliau, hebahan mengenai program ini dijalankan melalui media sosial dan siswa-siswi boleh melayari portal rasmi Pesta Hoki ke-41 melalui facebook untuk memperoleh sebarang maklumat tambahan.

"Kelainan Pesta Hoki ke-41 berbanding tahun sebelumnya ialah Majlis Tertinggi Pesta Hoki berusaha untuk membawa kembali konsep pesta supaya tidak hanya berfokuskan kepada pertandingan semata-mata", kata beliau.

Menurut Baarathi Rajan, Pengurusan 3, berkata siswa-siswi dapat memperolehi mata MyCSD, pengalaman menguruskan program bertaraf antarabangsa, serta memperluaskan jaringan kenalan dan pengetahuan baru menerusi penglibatan diri dalam Pesta Hoki ke-41.

"Penglibatan siswa-siswi dalam program ini berupaya meningkatkan kemahiran dan keyakinan diri seterusnya mengasah sifat kepimpinan untuk mengikuti pelbagai kegiatan universiti yang akan datang", katanya.

Keutamaan diberikan kepada siswa-siswi yang berpengalaman dan mereka yang dapat memberi komitmen yang tinggi bagi menjayakan program ini. Sikap siswa-siswi tarik diri pada di saat akhir kerana gagal mengimbangi akademik dan aktiviti luar menyebabkan kekurangan tenaga penyelaras.

Pesta Hoki ke-41 akan berlangsung pada 4 hingga 7 disember 2014 di Padang Minden, Universiti Sains Malaysia (USM) yang bakal melihat 416 pasukan serta 300 perlawanan.

Atlet olahraga mantapkan latihan harian



PASUKAN olahraga USM bersama Penasihat Kehormat Kelab Olahraga Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dato Dr Rosihan M. Ali (belakang, tengah) selepas sesi latihan. FOTO oleh Muhammad Suhaib

Atlet olahraga Universiti Sains Malaysia (USM) memulakan semula latihan asas sebaik sahaja semester buka demi menguatkan kembali otot dan juga tahap kecerdasan.

Ketua jurulatih, A. Jega berkata atlet memerlukan latihan secukupnya untuk menghadapi kejohanan yang akan berlangsung tidak lama lagi.

"Secara keseluruhannya setiap atlet sepatutnya menjalankan latihan kecerdasan sepanjang masa walaupun cuti semester supaya otot atlet bersedia dan biasa dengan trek", jelasnya kepada Berita Kampus.

Menurutnya, terdapat dua orang atlet olahraga warga sukan iaitu Jonnycal Anak Mengok dan Sharmila Kaliaye Selvan.

"Nak menang semasa pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) bukan senang kerana memerlukan latihan yang konsisten dan komitmen", kata A. Jega.

Penasihat Kehormat Kelab Olahraga Universiti Sains Malaysia, Prof Dato Dr Rosihan M. Ali berkata beliau turut hadir membuat latihan kecerdasan bersama atlet jika ada kelapangan.

"Saya melihat Kelab Olahraga USM sangat unik kerana dikendalikan sepenuhnya oleh siswa-siswi dan melibatkan atlet, siswa-siswi, staff, dan Jabatan Keselamatan dalam satu kelab ini", katanya.

Saya amat terharu dengan siswa-siswi yang terlibat dengan latihan dan pertandingan olahraga ini berkorban masa untuk sukan dan akademik demi menaikkan nama USM.

Floorball alternatif hoki



Siswa-siswi USM belajar cara bermain floorball daripada jurulatih, Christopher Koh (kiri).

Oleh **DEBRA WONG SER LIN**

Kelab Floorball Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan demonstrasi cara mainan sukan floorball di Stadium Hoki USM pada 24 September dari pukul 5.00 – 6.30 petang.

Demonstrasi tersebut yang diketuai oleh jurulatih Kelab Floorball USM, Christopher Koh, bertujuan mengajar siswa-siswi USM yang berminat dalam sukan tersebut tentang asas permainan floorball. Selain itu, sebuah pertandingan kecil juga diadakan untuk membiasakan siswa-siswi dengan permainan floorball yang sebenar.

Menurut Christopher, yang merupakan setiausaha Persatuan Floorball Pulau Pinang dan juga bekas pelajar USM, tujuan beliau mengadakan demonstrasi tersebut adalah untuk memperkenalkan sukan floorball kepada siswa-siswi USM serta merekrut ahli-ahli baru untuk menyertai Kelab Floorball USM yang baru ditubuhkan pada sidang akademik ini.

"Sukan floorball ini adalah sejenis sukan yang agak baru di Malaysia dan setakat ini, cuma terdapat empat buah negeri di Malaysia, iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sabah yang mempunyai persatuan dan pertandingan yang berkaitan dengan sukan ini. Kami berharap agar dengan pengasasan Kelab Floorball USM, sukan ini akan dikembangkan dalam kalangan orang muda," katanya.

Floorball merupakan sejenis sukan yang mirip dengan hoki tetapi berbeza dengan hoki dalam cara dan peraturan permainannya.

Floorball dimainkan dalam gelanggang tertutup serta menggunakan bola dan kayu pukulan yang lebih ringan. Setiap perlawanan floorball berlangsung dalam 3 pusingan selama 20 minit setiap pusingan, dan pasukan-pasukan yang bermain dibenarkan untuk melakukan penggantian pemain yang tidak terhad sepanjang permainan berlangsung.

Menurut ketua pasukan Kelab Floorball USM yang baru dilantik, Rebecca Yeoh Yao Xia, Ilmu Kemanusiaan 2, kewujudan kelab floorball di USM memenuhi keinginannya untuk menyertai acara sukan di peringkat universiti.

"Saya ialah peminat sukan sejak kecil lagi. Semasa saya berada di sekolah menengah, saya pernah menyertai pasukan hoki tetapi mengalami kesukaran untuk meningkatkan kemahiran saya dalam sukan tersebut. Ini kerana saya kekurangan pengalaman berbanding pemain-pemain lain yang sudah bermain hoki sejak berada di sekolah rendah," katanya.

"Bagi saya, dengan menyertai Kelab Floorball USM, saya berpeluang untuk bersukan sekali lagi. Sukan floorball lebih senang dipelajari berbanding hoki," tambah Rebecca lagi.

Kelab Floorball USM akan mengadakan latihan pada setiap Isnin dan Rabu pada pukul 5 hingga 7 petang, bertempat di Stadium Hoki USM.

Bakat baru tenis digilap



KHUSYUK...atlit sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh jurulatih, Alvin Lee

Pencarian bakat baru untuk mewakili universiti telah diadakan di gelanggang tenis Universiti Sains Malaysia (USM) pada 27 September yang lalu. Jurulatih pasukan tenis USM, Alvin Lee berkata setakat ini mereka mempunyai 20 orang atlet dari Kampus Induk, Kejuruteraan dan Kesihatan.

Menurut Kapten pasukan tenis USM, Tey Ie Vonn, berkata pemilihan bakat baru dalam sukan tenis ini dijalankan untuk mencari bakat-bakat baru yang lebih profesional sama ada dari segi permainan mahupun sikap.

"Sesiapa yang merasakan diri mereka bagus dan mempunyai bakat, mereka sangat dialu-alukan dalam sukan ini. Dari semasa ke semasa, saya akan mengadakan pencarian bakat baru untuk meramaikan lagi atlet tenis yang sedia ada", jelas Tey.

"Saya mengharapkan lebih banyak kejayaan yang akan dicapai apabila pemilihan ini diadakan. Terbaru, pasukan tenis USM berjaya merangkul pingat emas di Karnival IMT-GT (Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle) dalam perlawanan dengan UniMED yang berlangsung di Universitas Sumatera Utara, Medan pada 22 hingga 28 Ogos yang lalu".

Nurul Hasanah Rusdi, Sains Kemasyarakatan 3, berkata beliau hadir ke pemilihan ini disebabkan minat yang mendalam terhadap sukan tenis. Walaupun baru berjinak-jinak dalam sukan tenis ini, beliau berharap dengan latihan yang sedia ada, beliau mampu melayakkan dirinya ke peringkat universiti seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

"Saya melihat banyak potensi yang ada dalam diri atlet yang sedia ada mahupun bakat-bakat baru. Namun, ia bergantung kepada individu itu sendiri sama ada mahu berada di tahap yang sama ataupun mahu mengembangkan bakat mereka yang sedia ada", akhiri Alvin.

Pasukan Padang Kecik Aman juarai Futsal Piala MPP

Perlawanan Futsal Piala Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Sains Malaysia (USM) menjadi gelanggang perlawanan antara 30 pasukan bagi merebut hadiah utama bernilai RM750. Daripada 30 pasukan tersebut, pasukan Padang Kecik Aman FC berjaya meraih gelaran johan.

Jurulatih pasukan, Khairul Azhar,berasa bangga dengan pencapaian para pemain pasukan mereka dan berharap kemenangan ini akan dapat dikekalkan dalam perlawanan pada masa akan datang. Menurutnya lagi, keserasian antara pemain dan semangat kesukanan menjadi faktor utama kejayaan mereka.



Bangga...pasukan Padang Kecik Aman FC bersama-sama piala pusingan Perlawanan Futsal Piala MPP.

Menurut Pengarah Projek, Mohammad Hazeem Azemi, perlawanan ini merupakan kali kedua diadakan selepas perlawanan pertama pada tahun 2013. Tambahnya lagi, perlawanan ini diadakan bagi mengeratkan hubungan antara siswa-siswi selain dapat memperkenalkan barisan MPP kepada siswa-siswi tahun pertama.

Salah seorang peserta, Muhd Shafiq Maharidan,berkata "saya berharap perlawanan ini dapat menjadi kayu ukur prestasi kami pada sidang ini dan menambahkan semangat kami untuk berlatih dengan bersungguh-sungguh".

Pemenang tempat kedua, pasukan Semut Api FC menerima hadiah berjumlah RM500 dan tempat ketiga, pasukan Black Angles FC menerima hadiah berjumlah RM350.

Ragbi USM cari bakat baru

Satu perlawanan persahabatan ragbi antara pasukan Minden Joker dari Kampus Induk dan Phantom dari Kampus Kejuruteraan telah diadakan di Padang Minden, Universiti Sains Malaysia (USM) pada 24 September yang lalu.

Menurut Penolong Ketua Pasukan Ragbi USM, Mohamad Faizal Haramaini, perlawanan ini diadakan untuk mencari bakat baru dan sebagai persediaan untuk menghadapi Liga Pulau Pinang dan Piala Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang akan datang.

"Selain daripada membuat perlawanan persahabatan, ia juga sebagai satu peluang untuk kami mencari keserasian antara pemain untuk membentuk satu pasukan yang kuat", jelasnya kepada Berita Kampus

Tambahnya lagi, melalui perlawanan persahabatan sebegini, kami akan memilih pemain-pemain baru yang berpotensi untuk menyertai pasukan ragbi USM. Selalunya selepas pemilihan dibuat, kami akan menggabungkan pemain dari Kampus Induk dan Kampus Kejuruteraan.

Muhammad Aliff Zaini, Kejuruter aan Aeroangkasa 1, berkata dengan menyertai pasukan ragbi USM, beliau tidak akan mensia-siakan peluang yang ada dan berharap dapat membawa nama ragbi USM ke peringkat yang lebih tinggi.

"Menyertai pasukan ragbi USM ialah satu landasan terbaik untuk mengembangkan bakat selain mendapat pengalaman baru dengan menyertai perlawanan yang diadakan, lebih-lebih lagi apabila mendapat peluang bermain dengan pemain senior", tambahnya lagi.

Petanque USM timba pengalaman di Thailand

Oleh **NORSYAFIQAH ZAMAL ISHAK**

Pasukan Malaysia ditundukkan oleh pasukan Thailand 4-1 dalam Pertandingan Petanque Malaysia-Thailand Varsity Games kali ke tujuh di Arena Petanque Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini.

Tiga pemain USM mewakili Malaysia dalam acara 'Mix Triple' iaitu Mohamad Yusuf Mislam, Nor Mahirah Saaidin dan Norhasimah Hassan antara pemain Malaysia yang tunduk kepada Thailand.

Menurut Mohamad Yusuf Mislan, "melalui analisa permainan dan keupayaan pihak lawan, kami dapat mengukur kemahiran dan kelemahan diri selain boleh memperbaiki permainan dari segi teknikal".

Jurulatih merangkap Pengurus Pasukan Petanque USM, Mohd Azmi Abdullah berkata pertandingan yang melibatkan penyertaan dari negara luar memberi pendedahan kepada pemain supaya dapat berdepan dengan pelbagai situasi.

Walaupun Petanque baru memasuki tahun kedua bertapak di USM namun pencapaian yang diraih setakad ini boleh dibanggakan. Sebelum ini pasukan Petanque USM cemerlang di Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).

Jelasnya lagi, "pihak kami sedang giat mencari pemain pelapis dan menggalakkan penyertaan daripada siswa-siswi". Pusat Sukan USM juga menyediakan bola, bagi mereka yang berminat mempelajari sukan ini boleh menghadirkan diri ke Arena Petanque USM setiap hari pada pukul 5.30 petang.



MUHAMMAD Harith Haq Shahruldin (jersi putih) Minden Jokers diasak dua pemain Phantom (jersi merah) ketika perlawanan persahabatan di Padang Minden, USM. **Sila lihat halaman 19 untuk berita selanjutnya.**

USM Lifeguards teaching disabled athletes to swim

USM lifeguards taught swimming to Special Olympics Penang athletes voluntarily on 27 September at USM swimming pool.

The lesson which started at 9am was attended by eight athletes, ranging from 10 to 30 years old, who are having mental disabilities.

According to the Captain of USM Lifeguard Corps, Ng Shin, most of the athletes can swim, just that their strokes might not be correct. However, for those who cannot swim, the lifeguards will teach them the basic skills like floating and bubbling in the water before proceeding with other swimming skills.

"Few years back, our USM Lifeguard Corps seniors did teach members of Special Olympics Penang. However, the teaching stopped for a few years until this year, " he added.

Talking about challenges during the lesson, Ng said communication is the major problem. Sometimes the athletes might not understand what the instructor says.

"So we have to be very patient most of the time. We have repeat and teach them step by step. The progress might be slow, but we have no way to rush on that, " he explains.

Ng feels it is very meaningful to teach Special Olympics Penang athletes. He feels happy to provide an opportunity for the athletes to learn and do sports they like.



BEFORE swimming, instructor checked to make sure her student knows bubbling in the water.

USM menang gangsa di Kejohanan Ping Pong IPT 2014

Pasukan ping pong bergu lelaki Universiti Sains Malaysia (USM) meraih pingat gangsa dalam Kejohanan Ping Pong IPT 2014 anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), yang bertempat di Dewan Sukan UTeM, Kampus Induk, dari 24 hingga 29 September lalu.

Pasukan ping pong bergu lelaki USM terdiri daripada Cheong Der Hwa, Kejuruteraan Mekanikal 2, dari Kampus Kejuruteraan USM, dan Chooi Keng Leong, Komunikasi 2, dari Kampus Induk USM. Namun, dalam perlawanan separuh akhir yang sengit, pasukan INTI College Subang telah menewaskan pasukan USM dengan mata 3-2.

Menurut Kapten pasukan ping pong USM, Chooi Keng Leong, dalam kejohanan yang membabitkan 33 buah pasukan ping pong dalam negara ini, pasukan USM kelihatan masih mempunyai jarak yang agak jauh dengan tahap universiti lain, terutamanya universiti yang mempunyai pemain negara.

Chooi juga berkata bahawa pasukan USM tidak mencapai sasaran satu pingat emas dan satu pingat gangsa.

"Hal ini disebabkan tahap kejohanan pada kali ini terlalu tinggi kerana terdapat banyak wakil negara yang menyertai kejohanan sehingga pasukan kami gagal mencapai keputusan yang cemerlang berbanding kejohanan lepas, " jelas Chooi.

Chooi juga berharap USM dapat mencari pemain ping pong baru yang baik supaya dapat mencapai keputusan yang lebih baik dan cemerlang kelak. Pasukan ping pong USM kini telah mula bersedia untuk Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang akan datang tidak lama lagi.